



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

B//23

BANCI EKONOMI *ECONOMIC CENSUS* **2023**



SEKTOR PERKHIDMATAN
SERVICES SECTOR

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

BANCI EKONOMI
ECONOMIC CENSUS
2023

SEKTOR PERKHIDMATAN
SERVICES SECTOR

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides catalogue data and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / Youtube : StatsMalaysia
E-mel / *E-mail* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/
general enquiries)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan
data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM25.00

Diterbitkan pada Julai 2024 / *Published in July 2024*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISBN 978-967-253-719-9

Kata Pengantar

Penerbitan Banci Ekonomi 2023 Sektor Perkhidmatan ini memaparkan statistik utama bagi tahun rujukan 2022. Ia merangkumi 15 aktiviti ekonomi iaitu Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara; Bekalan air; pembetulan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan; Perdagangan borong & runcit; Pengangkutan & penyimpanan; Penginapan; Makanan & minuman; Maklumat & komunikasi; Kewangan; Hartanah; Profesional; Pentadbiran & khidmat sokongan; Pendidikan swasta; Kesihatan swasta & kerja sosial; Kesenian, hiburan & rekreasi; dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti. Statistik ini diperoleh daripada Banci Ekonomi 2023 yang meliputi semua pertubuhan yang dikelaskan di bawah Piawai Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008*. Kali terakhir banci ini dijalankan adalah pada tahun 2016 bagi tahun rujukan 2015.

Statistik utama yang berkaitan dengan bilangan pertubuhan, nilai output kasar, nilai input perantara, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap mengikut sektor dan subsektor dilaporkan dalam penerbitan ini. Maklumat pekerja terperinci mengikut jantina, kategori, kemahiran, sijil tertinggi diperoleh dan kewarganegaraan turut dipaparkan. Selain itu, statistik utama lain seperti statistik pertubuhan milikan wanita turut dimuatkan dalam penerbitan ini. Statistik tersebut boleh digunakan oleh ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta, individu dan agensi kerajaan bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Penerbitan ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama memaparkan statistik utama sektor Perkhidmatan, diikuti bahagian kedua, mengandungi penemuan bagi sektor Perkhidmatan. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi jadual statistik terperinci, manakala bahagian berikutnya merangkumi aspek teknikal, termasuk skop dan liputan, konsep dan definisi serta penjelasan berkaitan pembolehubah utama.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak yang telah membekalkan statistik yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2024

Preface

The Economic Census 2023 Services Sector publication presents the principal statistics for the reference year 2022. It covers 15 economic activities which are Electricity, gas, steam & air conditioning supply; Water supply; sewerage, waste management & remediation activities; Wholesale & retail trade; Transport & storage; Accommodation; Food & beverage; Information & communication; Finance; Real estate; Professional; Administrative & support service; Private education; Private health & social work; Arts, entertainment & recreation; and Personal services & other activities. These statistics were obtained from the Economic Census 2023, which includes all establishments classified under the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Version 1.0, in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008. The previous census was conducted in 2016, for the reference year of 2015.

Principal statistics related to the number of establishments, value of gross output, value of intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets by sector and sub-sectors are reported in this publication. Detailed employee information by gender, category, skills, highest certificate obtained and citizenship are also displayed. In addition, other key statistics, such as statistics on women-owned establishments, are also included in this publication. These statistics can be used by economists, academicians, private sectors, individuals, and government agencies for planning and policy formulations, economic analysis, projections, and to assist in business development planning.

This publication is divided into four parts. The first part displays the main highlights of statistics for the Services sector, followed by the second part, which contains findings for the Services sector. Meanwhile, the third part provides detailed statistical tables, while the following part covers technical aspects, including scope and coverage, concepts and definitions, and explanations of key variables.

Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges the cooperation of all parties who have provided the required statistics and contributed to the success of this publication. Every feedback and suggestion towards improving future publications is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

July 2024

Kandungan | Contents

Bahagian Part		Muka Surat Page
	Kata Pengantar <i>Preface</i>	I
	Kandungan <i>Contents</i>	III
1	Statistik Utama <i>Main Statistics</i>	3
2	Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	7
3	Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	

Jadual Table	Senarai Jadual Statistik List of Statistical Tables	
1	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor, 2010, 2015 dan 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector, 2010, 2015 and 2022</i>	149
2	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Negeri, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by State, 2022</i>	151
2.1	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Johor, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Johor, 2022</i>	152
2.2	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Kedah, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Kedah, 2022</i>	154
2.3	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Kelantan, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Kelantan, 2022</i>	156
2.4	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Melaka, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Melaka, 2022</i>	158
2.5	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Negeri Sembilan, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Negeri Sembilan, 2022</i>	160
2.6	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Pahang, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Pahang, 2022</i>	162

Bahagian Part		Muka Surat Page
Jadual Table	Senarai Jadual List of Tables	
2.7	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Pulau Pinang, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Pulau Pinang, 2022</i>	164
2.8	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Perak, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Perak, 2022</i>	166
2.9	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Perlis, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Perlis, 2022</i>	168
2.10	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Selangor, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Selangor, 2022</i>	170
2.11	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Terengganu, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Terengganu, 2022</i>	172
2.12	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Sabah, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Sabah, 2022</i>	174
2.13	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di Sarawak, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in Sarawak, 2022</i>	176
2.14	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di W. P. Kuala Lumpur, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in W.P. Kuala Lumpur, 2022</i>	178
2.15	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di W. P. Labuan, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in W.P. Labuan, 2022</i>	180
2.16	Statistik Utama Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor di W. P. Putrajaya, 2022 <i>Principal Statistics of Services Sector by Sub-sector in W.P. Putrajaya, 2022</i>	182
3	Bilangan Pekerja bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor dan Kategori Pekerja, 2022 <i>Number of Persons Engaged for Services Sector by Sub-sector and Category of Workers, 2022</i>	184

Kandungan | Contents

Bahagian Part		Muka Surat Page	
	Jadual <i>Table</i>	Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	
	4	Bilangan Pekerja bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor dan Jantina, 2022 <i>Number of Persons Engaged for Services Sector by Sub-sector and Sex, 2022</i>	186
	5	Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Kategori Pekerja dan Jantina, 2022 <i>Number of Persons Engaged and Salaries & Wages for Services Sector by Category of Workers and Sex, 2022</i>	188
	6	Bilangan Pekerja bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh dan Jantina, 2022 <i>Number of Persons Engaged for Services Sector by Highest Certificate Obtained and Sex, 2022</i>	189
	7	Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor dan Kategori Kemahiran, 2022 <i>Number of Persons Engaged and Salaries & Wages for Services Sector by Sub-sector and Category of Skills, 2022</i>	190
	8	Bilangan Pekerja bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, 2022 <i>Number of Persons Engaged for Services Sector by Sub-sector and Citizenship, 2022</i>	192
	9	Statistik Utama Pertubuhan Milikan Wanita bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor, 2015 dan 2022 <i>Principal Statistics of Women-owned Establishments for Services Sector by Sub-sector, 2015 and 2022</i>	193
4	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>		197
	Lampiran <i>Appendix</i>		231

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank



Bahagian | *Part*
1

Statistik Utama
Main Statistics

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank



STATISTIK UTAMA SEKTOR PERKHIDMATAN

Bilangan Pertubuhan

2022: 951,862 pertubuhan
2015: 818,317 pertubuhan
CAGR: 2.2%



Nilai Output Kasar

2022: RM1,426.6 bilion
2015: RM965.4 bilion
CAGR: 5.7%



Nilai Input Perantaraan

2022: RM647.2 bilion
2015: RM446.8 bilion
CAGR: 5.4%



Nilai Ditambah

2022: RM779.4 bilion
2015: RM518.7 bilion
CAGR: 6.0%



Bilangan Pekerja

2022: 5,831,864 orang
2015: 4,798,077 orang
CAGR: 2.8%



Gaji & Upah

2022: RM204.4 bilion
2015: RM131.6 bilion
CAGR: 6.5%



Nilai Harta Tetap

2022: RM1,219.9 bilion
2015: RM904.7 bilion
CAGR: 4.4%



Bilangan Pertubuhan Milikan Wanita

2022: 205,012 pertubuhan
2015: 173,536 pertubuhan
CAGR: 2.4%



NILAI DITAMBAH TERTINGGI

SUBSEKTOR

Perdagangan borong & runcit

2022: RM299.7 bilion
2015: RM184.0 bilion
CAGR: 7.2%



Kewangan

2022: RM110.1 bilion
2015: RM77.6 bilion
CAGR: 5.1%



Maklumat & komunikasi

2022: RM102.7 bilion
2015: RM62.6 bilion
CAGR: 7.3%



NEGERI

W.P. Kuala Lumpur



2022: RM280.0 bilion
2015: RM205.0 bilion
CAGR: 4.6%

Selangor



2022: RM261.5 bilion
2015: RM152.1 bilion
CAGR: 8.0%

Johor



2022: RM47.7 bilion
2015: RM31.2 bilion
CAGR: 6.3%



MAIN STATISTICS

SERVICES SECTOR

Number of Establishments

2022: 951,862 establishments
2015: 818,317 establishments
CAGR: 2.2%



Value of Gross Output

2022: RM1,426.6 billion
2015: RM965.4 billion
CAGR: 5.7%



Value of Intermediate Input

2022: RM647.2 billion
2015: RM446.8 billion
CAGR: 5.4%



Value Added

2022: RM779.4 billion
2015: RM518.7 billion
CAGR: 6.0%



Number of Persons Engaged

2022: 5,831,864 persons
2015: 4,798,077 persons
CAGR: 2.8%



Salaries & Wages

2022: RM204.4 billion
2015: RM131.6 billion
CAGR: 6.5%



Value of Fixed Assets

2022: RM1,219.9 billion
2015: RM904.7 billion
CAGR: 4.4%



Number of Women-owned Establishments

2022: 205,012 establishments
2015: 173,536 establishments
CAGR: 2.4%



HIGHEST VALUE ADDED

SUB-SECTORS

Wholesale & retail trade

2022: RM299.7 billion
2015: RM184.0 billion
CAGR: 7.2%



Finance

2022: RM110.1 billion
2015: RM77.6 billion
CAGR: 5.1%



Information & communication

2022: RM102.7 billion
2015: RM62.6 billion
CAGR: 7.3%



STATE

W.P. Kuala Lumpur



2022: RM280.0 billion
2015: RM205.0 billion
CAGR: 4.6%

Selangor



2022: RM261.5 billion
2015: RM152.1 billion
CAGR: 8.0%

Johor



2022: RM47.7 billion
2015: RM31.2 billion
CAGR: 6.3%

CAGR 2022/2015

Source: Economic Census 2023, Services Sector
Department of Statistics Malaysia (DOSM)



Bahagian | *Part*
2

Ringkasan Penemuan
Summary of Findings

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

1. PENGENALAN

Tahun 2022 telah menjadi permulaan baharu fasa pemulihan ekonomi apabila dunia termasuk Malaysia, mula melonggarkan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan membuka semula sektor ekonomi setelah pandemik COVID-19. Namun begitu, usaha pemulihan dipenuhi dengan cabaran ekonomi global yang baharu, membentuk satu landskap yang kompleks. Momentum awal terganggu oleh pelbagai kejutan yang mengancam proses pemulihan. Konflik antara Rusia dan Ukraine, ketegangan berterusan di Timur Tengah, ketidakseimbangan rantaian bekalan akibat perubahan iklim, bencana alam, harga komoditi yang tidak stabil, krisis tenaga di Eropah, dan kadar inflasi yang melonjak di Amerika Syarikat semuanya menyumbang kepada proses pemulihan yang mencabar. Isu-isu yang saling berkait ini menyebabkan keadaan yang tidak menentu, mengalihkan tumpuan dari pemulihan kepada ketahanan dan penyesuaian dalam ekonomi global yang pesat berubah.

Ekonomi global yang sebahagian besarnya didorong oleh sektor sekunder dan tertiar terus menghadapi tekanan yang besar. Dalam keadaan yang mencabar ini, permintaan domestik menjadi faktor penstabil utama bagi banyak negara, berfungsi sebagai 'talian hayat' penting di tengah-tengah ketidakpastian dan keadaan yang tidak menentu ini.

Prestasi Sektor Perkhidmatan Global, 2022

Sektor Perkhidmatan, yang menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi dalam kebanyakan ekonomi dunia, menunjukkan prestasi yang pelbagai pada tahun 2022. Peranan sektor ini begitu signifikan bagi tiga (3) kuasa ekonomi utama dunia iaitu Amerika Syarikat, China, dan Jepun, di mana ia menyumbang lebih daripada 50 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara masing-masing.

Bagi Amerika Syarikat dan Jepun, sumbangan sektor Perkhidmatan terhadap KDNK menunjukkan trend peningkatan. Sumbangan sektor Perkhidmatan kepada KDNK Amerika Syarikat meningkat dari 77.6 peratus pada tahun 2021 kepada lebih daripada 79.0 peratus pada tahun 2022, memperlihatkan peranannya yang kritikal dalam pengembangan ekonomi negara. Pertumbuhan ini dipacu oleh prestasi kukuh dalam subsektor seperti Teknologi maklumat, Kewangan dan Kesihatan, mencerminkan peralihan ekonomi ke arah aktiviti yang lebih berorientasikan perkhidmatan. Selain itu, permintaan domestik yang tinggi terutamanya dalam Perdagangan runcit, borong, kenderaan bermotor, serta Hartanah dan Kewangan, secara ketara mengukuhkan pertumbuhan sektor Perkhidmatan. Aktiviti pengguna yang meningkat ini menunjukkan kepentingan pasaran domestik dalam mengekalkan momentum ekonomi.


Ringkasan Penemuan

Jepun menunjukkan trend yang serupa, dengan sumbangan sektor Perkhidmatan meningkat daripada 69.1 peratus pada tahun 2021 kepada 71.4 peratus pada tahun 2022. Pertumbuhan ini didorong oleh kemajuan teknologi, peningkatan dalam pelancongan dan peningkatan perbelanjaan penggunaan perkhidmatan. Faktor-faktor ini bergabung untuk meningkatkan peranan sektor Perkhidmatan dalam mengekalkan pertumbuhan ekonomi ditengah-tengah ketidakpastian global.

Sebaliknya, China menghadapi senario yang lebih kompleks. Walaupun sektor Perkhidmatan kekal sebagai komponen penting dalam ekonominya, pertumbuhannya terganggu disebabkan penyesuaian struktur yang berterusan dan perubahan peraturan. Sumbangan sektor ini kepada KDNK mengalami sedikit penurunan, dengan mencatatkan 53.4 peratus pada tahun 2022 berbanding dengan 53.5 peratus pada tahun sebelumnya. Walaupun negara ini mengalihkan fokus strategiknya kepada penggunaan domestik dan inovasi untuk memperkukuh sektor Perkhidmatan, namun ia menghadapi cabaran daripada persekitaran ekonomi global dan reformasi ekonomi dalaman.

Secara keseluruhan, sektor Perkhidmatan di negara-negara ekonomi utama memainkan peranan penting dalam membentuk hasil ekonomi pada tahun 2022. Prestasinya yang berbeza-beza di pelbagai kawasan mencerminkan kepelbagaian lanskap ekonomi dan sumbangan penting sektor ini kepada pertumbuhan KDNK dalam ekonomi global yang sentiasa berubah.

Carta 1: Sumbangan Sektor Perkhidmatan kepada KDNK kepada Amerika Syarikat, China dan Jepun, 2021 dan 2022



Sumber: *World Bank*

Prestasi di rantau ASEAN

Pada tahun 2022, rantau ASEAN memperlihatkan prestasi yang berbeza dalam sumbangan sektor Perkhidmatan kepada KDNK, mencerminkan ekonomi dinamik dalam rantau tersebut. Enam (6) daripada sepuluh negara menunjukkan penurunan berbanding tahun 2021, menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh negara ini. Indonesia mencatatkan sumbangan sektor Perkhidmatan sebanyak 41.8 peratus pada tahun 2022, menurun daripada 42.8 peratus tahun sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 1.0 peratus. Begitu juga, Thailand mengalami penurunan sebanyak 0.5 peratus (2022: 56.2%; 2021: 56.7%), Malaysia jatuh sebanyak 0.8 peratus (2022: 50.8%; 2021: 51.6%), Myanmar merosot sebanyak 1.6 peratus (2022: 38.6%; 2021: 40.2%), Kemboja menurun sebanyak 0.5 peratus (2022: 33.7%; 2021: 34.2%), dan Brunei mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak 5.1 peratus (2022: 32.5%; 2021: 37.6%).


Sebaliknya, empat negara ASEAN lain menunjukkan peningkatan sumbangan sektor Perkhidmatan kepada KDNK pada tahun 2022 berbanding tahun 2021, memperlihatkan daya tahan dan pertumbuhan dalam pasaran tertentu. Singapura mencatatkan peningkatan yang ketara, dengan sumbangan sektor Perkhidmatan meningkat kepada 70.9 peratus pada tahun 2022, naik daripada 65.9 peratus pada tahun 2021, menunjukkan peningkatan yang mengagumkan sebanyak 5.0 peratus. Vietnam mengalami peningkatan sederhana sebanyak 0.4 peratus (2022: 41.3%; 2021: 40.9%), Filipina mencatatkan peningkatan yang kecil sebanyak 0.1 peratus (2022: 61.2%; 2021: 61.1%), dan Laos mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 3.1 peratus (2022: 41.2%; 2021: 38.1%).

Prestasi yang berbeza di seluruh rantau ASEAN menunjukkan sifat ekonomi yang kompleks dan dinamik. Walaupun beberapa negara berjaya mengukuhkan sumbangan sektor Perkhidmatan kepada KDNK mereka, negara lain menghadapi cabaran yang menyebabkan penurunan. Perubahan ini menunjukkan trend ekonomi yang lebih luas dan kemampuan setiap negara untuk menangani cabaran global dan serantau.

Lanskap ekonomi di rantau ASEAN mencerminkan ketahanan dan kemampuan negara-negara anggotanya untuk menyesuaikan diri dengan cabaran global. Trend yang pelbagai dalam sumbangan sektor Perkhidmatan menunjukkan peluang pertumbuhan serta aspek yang memerlukan tumpuan strategik. Dalam menghadapi ketidakpastian global, prestasi sektor Perkhidmatan negara-negara ini akan terus menjadi indikator penting bagi prestasi ekonomi keseluruhan dan potensi pembangunan masa depan.

Ringkasan Penemuan

Paparan 1: Sumbangan Sektor Perkhidmatan kepada KDNK



2. PRESTASI KESELURUHAN SEKTOR PERKHIDMATAN, 2010-2022

2.1 Pengenalan

Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi, menyumbang lebih daripada 55 peratus kepada KDNK. Justeru, apabila ekonomi berkembang, kepentingan sektor Perkhidmatan turut meningkat, mempengaruhi daya saing syarikat dalam sektor Pertanian, Pembuatan, Perlombongan, dan sektor Perkhidmatan itu sendiri. Perkhidmatan yang cekap dan kos efektif adalah penting untuk mewujudkan iklim pelaburan yang menguntungkan, seterusnya mempengaruhi prestasi perniagaan, tahap pelaburan, produktiviti, dan kejayaan ekonomi secara keseluruhan, termasuk eksport. Akses kepada perkhidmatan berkualiti tinggi dan mampu milik, seperti telekomunikasi dan perantaraan kewangan, adalah terutamanya penting untuk firma dalam rangkaian pengeluaran global.

Dalam tempoh 2010 hingga 2022, terdapat pelbagai dasar dan program telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan nilai tambah dan mempercepatkan transformasi sektor Perkhidmatan dengan matlamat merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Inisiatif di bawah Rancangan Malaysia ke-10 hingga ke-12, Rancangan Induk Perindustrian dan Program Transformasi Ekonomi yang memberi tumpuan kepada memajukan aktiviti berasaskan teknologi dan pengetahuan, menarik pelaburan langsung asing yang signifikan dalam sektor seperti tenaga boleh diperbaharui, aeroangkasa, dan farmaseutikal sambil menggalakkan perkhidmatan berkemahiran tinggi.

Ringkasan Penemuan

Walaupun sektor Perkhidmatan terkesan pada tahun 2020 dan 2021 akibat pandemik COVID-19, sektor ini menunjukkan ketahanan dan pemulihan selepas pembukaan semula semua sektor ekonomi dan sempadan negara pada tahun 2022. Pemulihan ini memainkan peranan penting terhadap sektor tersebut dalam ekonomi negara, menunjukkan keupayaannya untuk mengadaptasi dan berkembang dalam cabaran.

Ketika Malaysia terus membangun, pengaruh sektor Perkhidmatan dijangka akan berkembang semakin meluas, memacu daya saing dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Fokus strategik terhadap teknologi dan perkhidmatan berkemahiran tinggi meletakkan Malaysia untuk menarik lebih banyak pelaburan dan meningkatkan kedudukan ekonomi globalnya. Kemajuan ini, disokong oleh dasar kerajaan yang kukuh dan iklim pelaburan yang mesra, menyediakan asas untuk pertumbuhan dan kemakmuran yang berterusan dalam sektor Perkhidmatan di Malaysia, seterusnya menyumbang ke arah negara berpendapatan tinggi.

2.2 Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2010-2022


Pada tahun 2022, bilangan pertubuhan yang beroperasi dalam sektor Perkhidmatan adalah 951,862, meningkat secara tahunan sebanyak 4.3 peratus (2010: 577,133 pertubuhan). Nilai output kasar yang dijana oleh sektor ini adalah RM1,426.6 bilion iaitu meningkat sebanyak RM781.7 bilion antara tahun 2010 dan 2022. Peningkatan ini selaras dengan pengembangan nilai aset tetap yang telah meningkat lebih daripada dua kali ganda dalam tempoh 12 tahun daripada RM496.7 bilion pada tahun 2010 kepada RM1,219.9 bilion pada tahun 2022. Sektor ini mencatatkan 5,831,864 bilangan pekerja berbanding 3,719,091 orang pada tahun 2010 dengan gaji dan upah pada tahun 2022 berjumlah RM204.4 bilion, meningkat 8.0 peratus atau RM123.1 bilion sepanjang tempoh tersebut.

Dari segi ekonomi keseluruhan, sektor Perkhidmatan menyumbang bilangan pertubuhan yang tertinggi, iaitu 87.2 peratus. Nilai output kasar dan bilangan pekerja menyumbang masing-masing 37.0 peratus dan 58.3 peratus kepada ekonomi keseluruhan Malaysia pada tahun 2022.

Bagi nilai ditambah, sektor Perkhidmatan menyaksikan pengembangan tahunan sebanyak 7.2 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun 2010. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman, Maklumat & komunikasi, Pengangkutan & penyimpanan serta Perkhidmatan perniagaan (Profesional, dan Pentadbiran & khidmat sokongan). Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan pengguna, penerimaan teknologi digital yang lebih meluas di semua sektor dan permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan profesional.

Ringkasan Penemuan

Paparan 2: Sumbangan Sektor Perkhidmatan kepada KDNK (%)



Perdagangan borong & runcit mengalami pertumbuhan sebanyak 7.8 peratus, didorong oleh prestasi yang luar biasa di semua segmen terutamanya Perdagangan runcit, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah hasil daripada pasaran buruh yang lebih baik. Subsektor Perdagangan runcit menyaksikan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.3 peratus yang dipacu oleh Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan dan Jualan runcit di kedai pengkhususan. Selain itu, subsektor Kenderaan bermotor menyumbang kepada prestasi subsektor ini, dengan jualan kenderaan meningkat sebanyak 2.4 peratus kepada 720,658 unit (2013: 583,060 unit).

Ringkasan Penemuan

Subsektor Pengangkutan & penyimpanan berkembang sebanyak 5.3 peratus, didorong oleh pertumbuhan yang ketara dalam semua aktiviti kecuali Pengangkutan udara. Ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti Pos & kurier dengan pertumbuhan sebanyak 10.4 peratus dan aktiviti Penggudangan & aktiviti sokongan yang menunjukkan peningkatan 6.5 peratus antara tahun 2010 sehingga 2022.

Subsektor Makanan & minuman serta Penginapan menyaksikan pemulihan yang ketara dengan pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus, didorong oleh pengembangan berterusan dalam aktiviti berkaitan pelancongan, yang membawa kepada kadar penghunian hotel yang lebih tinggi dan peningkatan jumlah perbelanjaan untuk makan di restoran. Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan kembali pulih dengan merekodkan pertumbuhan sebanyak 8.0 peratus, di antara tahun 2010 hingga 2022. Subsektor Hartanah mendapat manfaat daripada peningkatan transaksi hartanah dan aktiviti pembangunan yang didorong oleh urbanisasi yang berterusan dan projek infrastruktur. Segmen Perkhidmatan perniagaan berkembang disebabkan oleh permintaan yang meningkat untuk perkhidmatan Profesional, terutamanya dalam aktiviti Guaman dan Perakaunan.

Subsektor Maklumat & komunikasi pula berkembang sebanyak 7.7 peratus, disokong oleh aktiviti Telekomunikasi, dengan peningkatan penggunaan perkhidmatan e-dagang dan langganan penstriman media, termasuk pakej hiburan dan sukan. Pertumbuhan ini juga disumbangkan oleh liputan jalur lebar yang lebih luas dan peningkatan kelajuan internet melalui inisiatif Jaringan Digital Nasional (JENDELA).


Perkhidmatan utiliti meningkat sebanyak 9.5 peratus dalam tempoh 12 tahun, didorong oleh penggunaan elektrik yang stabil merentasi segmen industri, komersial, dan domestik, disebabkan oleh peningkatan permintaan untuk produk-produk pembuatan dan pembukaan semula semua sektor ekonomi. Perkhidmatan Kewangan pula mencatatkan peningkatan sederhana sebanyak 5.3 peratus, dipengaruhi oleh penguncupan dalam aktiviti Kewangan dan pertumbuhan sederhana dalam aktiviti Insurans.

Perkhidmatan lain kembali pulih dengan pertumbuhan sebanyak 7.0 peratus, yang dicerminkan oleh pertumbuhan positif dalam subsektor Pendidikan swasta dan Kesihatan swasta, dengan pendaftaran tinggi di kolej swasta dan universiti swasta serta permintaan yang kukuh untuk perkhidmatan Kesihatan swasta dari tahun 2010 hingga 2022. Peningkatan permintaan untuk perkhidmatan kesihatan selepas COVID-19 juga sangat menyumbang kepada pertumbuhan ini. Pemulihan ini juga disokong oleh pemulihan aktiviti Sukan & rekreasi apabila negara beralih kembali kepada keadaan normal pada tahun 2022.

Ringkasan Penemuan

Secara ringkasnya, pertumbuhan yang ketara dan ketahanan sektor Perkhidmatan menekankan peranan pentingnya dalam lanskap ekonomi Malaysia. Pengembangan sektor ini yang didorong oleh peningkatan perbelanjaan pengguna, kemajuan teknologi, dan pelaburan strategik, menunjukkan sumbangan yang penting kepada hala tuju negara untuk menjadi ekonomi yang berpendapatan tinggi.

Paparan 3: Nilai Ditambah bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor, 2010, 2015 dan 2022

Subsektor	2010	2015	2022	CAGR 2022/2010
	 Nilai Ditambah (RM juta)			
Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara	9,991	26,710	30,455	9.7
Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan	3,535	5,923	9,902	9.0
Perdagangan borong & runcit	122,339	184,037	299,710	7.8
Pengangkutan & penyimpanan	31,413	43,747	58,056	5.3
Penginapan	5,556	7,866	9,405	4.5
Makanan & minuman	16,428	27,973	43,831	8.5
Maklumat & komunikasi	42,096	62,559	102,650	7.7
Kewangan	59,498	77,571	110,073	5.3
Hartanah	11,518	17,561	23,202	6.0
Profesional	11,810	24,346	36,588	9.9
Pentadbiran & khidmat sokongan	5,516	10,508	12,833	7.3
Pendidikan swasta	6,337	9,369	15,052	7.5
Kesihatan swasta & kerja sosial	4,774	7,996	13,650	9.1
Kesenian, hiburan & rekreasi	5,785	8,619	9,408	4.1
Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti	2,521	3,878	4,591	5.1
	339,117	518,663	779,407	7.2


Ringkasan Penemuan

3. BILANGAN PERTUBUHAN

Bilangan pertubuhan yang beroperasi pada tahun 2022 ialah sebanyak 951,862 berbanding 818,317 pada tahun 2015, meningkat sebanyak 133,545 pertubuhan. Perdagangan borong & runcit merekodkan bilangan pertubuhan tertinggi, iaitu sebanyak 475,566 atau menyumbang 50.0 peratus. Ini diikuti oleh Makanan & minuman dengan 136,453 pertubuhan (sumbangan: 14.3%) dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti dengan 64,503 pertubuhan (sumbangan: 6.8%) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4**.

Kadar pertumbuhan tahunan direkodkan sebanyak 2.2 peratus, dengan pertumbuhan tertinggi di Penginapan (CAGR: 19.2%), Maklumat & komunikasi (CAGR: 13.1%) dan Kewangan (CAGR: 10.6%).

Paparan 4: Bilangan Pertubuhan bagi Subsektor Perkhidmatan, 2015 dan 2022



CAGR 2022/2015

Industri Berpotensi dan Industri Bertumbuh Perlahan

Perbandingan antara tahun 2015 dan 2022 menunjukkan beberapa aktiviti dalam sektor Perkhidmatan merekodkan kadar pertumbuhan lebih tinggi daripada purata berbanding aktiviti lain, didorong terutamanya oleh kemajuan teknologi. Perkhidmatan telekomunikasi tanpa wayar merekodkan pertumbuhan tahunan sebanyak 12.5 peratus manakala perkhidmatan telekomunikasi satelit meningkat 10.8 peratus. Kedua-dua aktiviti ini mengalami pertumbuhan pesat selaras dengan kemajuan teknologi, membawa kepada perubahan dalam modus operandi perniagaan dan gaya hidup masyarakat.

Perkembangan dalam teknologi juga membawa kepada peningkatan dalam aktiviti jual beli atas talian yang memacu kepada pertumbuhan pertumbuhan bagi aktiviti pos & kurier. Bilangan pertumbuhan subsektor ini bertumbuh 20.3 peratus, meningkat daripada 690 pertumbuhan pada tahun 2015 kepada 2,511 pertumbuhan pada tahun 2022. Selain itu, penekanan yang semakin meningkat terhadap pendidikan berkualiti dan pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor pendidikan sepanjang tempoh ini telah membawa kepada peningkatan bilangan pertumbuhan pendidikan rendah swasta. Bilangan pertumbuhan dalam pendidikan rendah swasta bertumbuh secara tahunan sebanyak 13.1 peratus, meningkat daripada 141 pada tahun 2015 kepada 334 pertumbuhan pada tahun 2022.

Aktiviti perkhidmatan bangunan dan lanskap turut merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu 12.0 peratus dalam tempoh tujuh tahun, disokong oleh pertumbuhan dalam bilangan pertumbuhan perniagaan. Pada banci kali ini, liputan industri dalam subsektor Penginapan telah diperluaskan kepada aktiviti inap desa tidak formal dengan 9,096 pertumbuhan yang dilaporkan beroperasi pada tahun 2022.

Sebaliknya, kemajuan teknologi juga telah menyumbang kepada penurunan bilangan pertumbuhan dalam beberapa aktiviti. Antaranya, aktiviti Pembaikan & penyelenggaraan VCD/DVD menunjukkan CAGR sebanyak -15.8 peratus, Jualan runcit rekod muzik, pita audio, cakera padat, kaset, pita video, VCD dan DVD, pita dan cakera kosong mengalami penurunan sebanyak -7.7 peratus, Penyewaan pita video, piring hitam, CD dan DVD menurun -11.8 peratus dan Kafe siber menguncup -15.9 peratus. Peningkatan dalam langganan *broadband* dan kemunculan perkhidmatan langganan atas talian telah menjejaskan permintaan terhadap aktiviti-aktiviti tersebut dan menjadikannya tidak lagi relevan pada masa kini.

Trend ini menggambarkan impak yang tinggi dalam kemajuan teknologi terhadap sektor Perkhidmatan, mendorong pertumbuhan dalam beberapa bidang selain membawa kepada penurunan dalam bidang lain. Keupayaan sektor ini mengadaptasi kepada perubahan amat penting bagi menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia secara berterusan.


Ringkasan Penemuan

4. NILAI OUTPUT KASAR

Nilai output kasar sektor Perkhidmatan untuk tahun 2022 merekodkan RM1,426.6 bilion dengan peningkatan tahunan sebanyak 5.7 peratus berbanding tahun 2015. **Paparan 5** menunjukkan subsektor yang merekodkan pertumbuhan melebihi pertumbuhan nasional adalah Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara (CAGR: 7.6%), Kesihatan swasta & kerja sosial (CAGR: 7.6%), Pendidikan swasta (CAGR: 6.9%), Perdagangan borong & runcit (CAGR: 6.8%), Bekalan air; pembedungan, pengurusan sisa & aktiviti pemuliharaan (CAGR: 6.3%), Maklumat & komunikasi (CAGR: 6.2%), Makanan & minuman (CAGR: 5.9%) dan Profesional (CAGR: 5.8%).

Penyumbang utama nilai output kasar sektor Perkhidmatan bagi tahun 2022 ialah Perdagangan borong & runcit sebanyak 34.1 peratus atau RM486.2 bilion. Seterusnya, diikuti oleh Maklumat & komunikasi dengan sumbangan 13.3 peratus (RM190.1 bilion), Kewangan 12.1 peratus (RM172.0 bilion), Pengangkutan & penyimpanan 9.8 peratus (RM140.5 bilion) dan Makanan & minuman 6.9 peratus (RM99.0 bilion).

Paparan 5: Nilai Output Kasar bagi Subsektor Perkhidmatan, 2015 dan 2022

	Nilai Output Kasar Sumbangan 			
Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara	● (2015: RM54.4b)	RM90.6b	6.4%	CAGR: 7.6%
Bekalan air; pembedungan, pengurusan sisa & aktiviti pemuliharaan	● (2015: RM12.3b)	RM18.9b	1.3%	CAGR: 6.3%
Perdagangan borong & runcit	● (2015: RM306.6b)	RM486.2b	34.1%	CAGR: 6.8%
Pengangkutan & penyimpanan	● (2015: RM109.2b)	RM140.5b	9.8%	CAGR: 3.7%
Penginapan	● (2015: RM13.9b)	RM16.7b	1.2%	CAGR: 2.6%
Makanan & minuman	● (2015: RM66.4b)	RM99.0b	6.9%	CAGR: 5.9%
Maklumat & komunikasi	● (2015: RM124.6b)	RM190.1b	13.3%	CAGR: 6.2%
Kewangan	● (2015: RM122.4b)	RM172.0b	12.1%	CAGR: 5.0%
Hartanah	● (2015: RM28.1b)	RM36.8b	2.6%	CAGR: 3.9%
Profesional	● (2015: RM40.5b)	RM60.0b	4.2%	CAGR: 5.8%
Pentadbiran & khidmat sokongan	● (2015: RM27.1b)	RM31.7b	2.2%	CAGR: 2.3%
Pendidikan swasta	● (2015: RM15.2b)	RM24.1b	1.7%	CAGR: 6.9%
Kesihatan swasta & kerja sosial	● (2015: RM16.8b)	RM28.0b	2.0%	CAGR: 7.6%
Kesenian, hiburan & rekreasi	● (2015: RM20.0b)	RM22.5b	1.6%	CAGR: 1.7%
Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti	● (2015: RM8.1b)	RM9.5b	0.7%	CAGR: 2.4%
JUMLAH	(2015: RM965.4b)	RM1,426.6b	 100.0%	CAGR: 5.7%

CAGR 2022/2015


Ringkasan Penemuan

5. NILAI INPUT PERANTARAAN

Nilai input perantara sektor Perkhidmatan mencapai RM647.2 bilion pada tahun 2022, mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 5.4 peratus sejak 2015. Subsektor dengan pertumbuhan tertinggi adalah Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara (CAGR: 11.7%), Kesihatan swasta & kerja sosial (CAGR: 7.2%), Pendidikan swasta (CAGR: 6.6%), Perdagangan borong & runcit (CAGR: 6.2%) dan Profesional (CAGR: 5.5%) seperti di **Paparan 6**.

Perdagangan borong & runcit merupakan penyumbang terbesar kepada nilai input perantara sektor Perkhidmatan pada tahun 2022 dengan sumbangan 28.8 peratus atau RM186.5 bilion. Ini diikuti oleh Maklumat & komunikasi dengan sumbangan 13.5 peratus (RM87.5 bilion), Pengangkutan & penyimpanan 12.7 peratus (RM82.5 bilion), Kewangan 9.6 peratus (RM61.9 bilion) dan Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara 9.3 peratus (RM60.1 bilion).

Paparan 6: Nilai Input Perantara bagi Subsektor Perkhidmatan, 2015 dan 2022



CAGR 2022/2015


Ringkasan Penemuan

6. NILAI DITAMBAH

Nilai ditambah dalam sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 6.0 peratus secara tahunan, menokok daripada RM518.7 bilion pada tahun 2015 kepada RM779.4 bilion pada tahun 2022 seperti yang ditunjukkan di **Paparan 7**. Subsektor yang mencatatkan pertumbuhan ketara adalah Kesihatan swasta & kerja sosial (CAGR: 7.9%), Bekalan air; pembedungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan (CAGR: 7.6%), Maklumat & komunikasi (CAGR: 7.3%), Perdagangan borong & runcit (CAGR: 7.2%), Pendidikan swasta (CAGR: 7.0%), Makanan & minuman (CAGR: 6.6%) dan Profesional (CAGR: 6.0%).

Perdagangan borong & runcit merupakan penyumbang terbesar dengan sumbangan 38.5 peratus (RM299.7 bilion). Ini diikuti oleh Kewangan dan Maklumat & komunikasi masing-masing menyumbang sebanyak 14.1 peratus dan 13.2 peratus. Selain itu, Pengangkutan & penyimpanan dan Makanan & minuman masing-masing menyumbang 7.4 peratus dan 5.6 peratus.

Paparan 7: Nilai Ditambah bagi Subsektor Perkhidmatan, 2015 dan 2022




CAGR 2022/2015

7. BILANGAN PEKERJA DAN GAJI & UPAH

7.1 BILANGAN PEKERJA DAN GAJI & UPAH SEKTOR PERKHIDMATAN

Bilangan pekerja dalam sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.8 peratus, merekodkan 5,831,864 orang pada tahun 2022 berbanding 4,798,077 orang pada tahun 2015. Perdagangan borong & runcit menyumbang 37.2 peratus, dengan 2,171,513 orang pekerja, mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 3.1 peratus berbanding 1,752,677 orang pada 2015. Selain itu, bilangan pekerja Makanan & minuman adalah sebanyak 1,079,843 orang (sumbangan: 18.5%) pada tahun 2022, meningkat daripada 891,616 pada 2015. Bilangan pekerja Pengangkutan & penyimpanan pada tahun 2022 adalah seramai 475,831 orang berbanding 411,273 orang pada 2015 seperti ditunjukkan di **Paparan 8**.

Paparan 8: Bilangan Pekerja Sektor Perkhidmatan mengikut Tiga Subsektor Tertinggi, 2015 dan 2022



CAGR 2022/2015

Jumlah gaji & upah yang dibayar dalam sektor Perkhidmatan meningkat 6.5 peratus kepada RM204.4 bilion pada 2022 berbanding RM131.6 bilion pada 2015. Perdagangan borong & runcit mencatatkan gaji & upah tertinggi, mencapai RM76.2 bilion, meningkat 8.5 peratus secara tahunan (sumbangan: 37.3%). Sementara itu, Kewangan mencatatkan RM24.7 billion, peningkatan tahunan sebanyak 5.2 peratus (sumbangan: 12.1%), diikuti oleh Maklumat & komunikasi berjumlah RM19.3 bilion (sumbangan: 9.4%) dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 7.5 peratus (2015: RM11.7 bilion) seperti di **Paparan 9**.

Pekerja dalam Maklumat & komunikasi menerima purata gaji bulanan tertinggi sebanyak RM6,442, diikuti oleh Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara dengan RM6,327 dan Kewangan, RM5,517.

Ringkasan Penemuan

Paparan 9: Gaji & Upah bagi Subsektor Perkhidmatan, 2015 dan 2022


Sumbangan 2015	Gaji & Upah	2022 Sumbangan	CAGR	Purata Gaji Sebulan 2022
2.8% RM3.6b	Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara	RM3.9b 1.9%	3.9%	RM6,327
1.1% RM1.4b	Bekalan air; pembetulan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan	RM2.4b 1.2%	7.8%	RM3,317
32.7% RM43.1b	Perdagangan borong & runcit	RM76.2b 37.3%	8.5%	RM3,690
10.8% RM14.3b	Pengangkutan & penyimpanan	RM18.4b 9.0%	3.7%	RM3,548
2.3% RM3.0b	Penginapan	RM4.1b 2.0%	4.4%	RM2,395
7.3% RM9.7b	Makanan & minuman	RM15.5b 7.6%	7.0%	RM1,689
8.9% RM11.7b	Maklumat & komunikasi	RM19.3b 9.4%	7.5%	RM6,442
13.2% RM17.3b	Kewangan	RM24.7b 12.1%	5.2%	RM5,517
2.1% RM2.7b	Hartanah	RM4.2b 2.0%	6.3%	RM3,621
7.7% RM10.1b	Profesional	RM14.2b 7.0%	5.0%	RM3,556
3.0% RM4.0b	Pentadbiran & khidmat sokongan	RM5.3b 2.6%	4.2%	RM2,272
3.3% RM4.3b	Pendidikan swasta	RM6.3b 3.1%	5.5%	RM3,461
2.8% RM3.7b	Kesihatan swasta & kerja sosial	RM6.3b 3.1%	8.1%	RM3,601
1.0% RM1.3b	Kesenian, hiburan & rekreasi	RM1.7b 0.8%	3.5%	RM2,109
1.2% RM1.5b	Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti	RM2.1b 1.0%	4.9%	RM1,775
100.0% RM131.6b	Jumlah	RM204.4b 100.0%	6.5%	RM3,493

CAGR 2022/2015

7.2 BILANGAN PEKERJA DAN GAJI & UPAH DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN MENGIKUT KATEGORI PEKERJA

Bagi sektor Perkhidmatan, pekerja bergaji sepenuh masa membentuk majoriti dengan sumbangan sebanyak 79.6 peratus (4,643,143 orang) daripada jumlah 5,831,864 pekerja. Sementara itu, 954,759 orang (sumbangan: 16.4%) adalah pemilik yang bekerja & rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tanpa gaji, manakala 233,962 orang (sumbangan: 4.0%) adalah pekerja bergaji sambilan (**Paparan 10**).

Paparan 10: Bilangan Pekerja Sektor Perkhidmatan mengikut Kategori Pekerja, 2022



CAGR 2022/2015






Ringkasan Penemuan

Dalam kalangan pekerja bergaji sepenuh masa, pekerja sokongan perkeranian dan pekerjaan berkaitan membentuk segmen terbesar dalam pasaran tenaga kerja, menyumbang 43.3 peratus dengan jumlah 2,011,447 orang. Pekerja asas merangkumi 25.5 peratus (1,181,993 orang) manakala pengurus, profesional dan penyelidik merangkumi 20.5 peratus (953,653 orang) daripada jumlah pekerja bergaji sepenuh masa dalam sektor Perkhidmatan. Secara keseluruhan, ketiga-tiga kategori ini mewakili 89.3 peratus daripada jumlah pekerja, iaitu seramai 4,147,093 orang pekerja bergaji sepenuh masa.

Walau bagaimanapun dari segi jumlah gaji yang diterima mengikut kategori pekerja, pengurus, profesional dan penyelidik mendahului dengan RM88.9 bilion (sumbangan: 44.2%), manakala pekerja sokongan perkeranian dan pekerjaan berkaitan pula menerima RM63.3 bilion dalam gaji & upah (sumbangan: 31.5%). Sementara itu, pekerja asas menyumbang 12.4 peratus atau RM25.0 bilion.

Pada skala gaji yang lebih tinggi, pengurus, profesional dan penyelidik menerima purata gaji sebanyak RM7,766 sebulan. Juruteknik dan profesional bersekutu mengikuti dengan purata sebanyak RM4,892 sebulan, manakala pekerja sokongan perkeranian dan pekerjaan yang berkaitan sebanyak RM2,624 sebulan, seperti yang diperincikan di **Paparan 11**.

Paparan 11: Bilangan Pekerja bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Kategori Pekerja Sepenuh Masa, 2022

Bilangan Pekerja Sumbangan		Gaji & Upah Sumbangan		Purata Gaji Bulanan
 Pengurus, profesional dan penyelidik				
953,653 orang	20.5%	RM88.9b	44.2%	RM7,766
 Juruteknik dan profesional bersekutu				
317,350 orang	6.8%	RM18.6b	9.3%	RM4,892
 Pekerja sokongan perkeranian dan pekerja berkaitan				
2,011,447 orang	43.3%	RM63.3b	31.5%	RM2,624
 Operator mesin & loji dan pemasangan				
178,700 orang	3.8%	RM5.2b	2.6%	RM2,432
 Pekerja asas				
1,181,993 orang	25.5%	RM25.0b	12.4%	RM1,761
JUMLAH				
4,643,143 orang	100.0%	RM201.0b	100.0%	RM3,608

Nota.




Pekerja sokongan perkeranian dan pekerja berkaitan terdiri daripada pekerja sokongan perkeranian, pekerja Perkhidmatan & jualan, pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan

7.3 BILANGAN PEKERJA BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN MENGIKUT KATEGORI KEMAHIRAN

Pekerja separuh mahir mendominasi lanskap pekerjaan di sektor Perkhidmatan, menyumbang 47.2 peratus daripada jumlah keseluruhan 4,643,143 orang pekerja pada 2022. Seterusnya adalah pekerja mahir yang merangkumi 27.4 peratus dengan 1,271,003 orang, manakala pekerja berkemahiran rendah pula mewakili 25.4 peratus dengan 1,181,993 orang. Dari segi gaji & upah, pekerja mahir mendahului dengan RM107.5 bilion (sumbangan: 53.5%), diikuti oleh pekerja separuh mahir dengan RM68.6 bilion (sumbangan: 34.1%) dan pekerja berkemahiran rendah dengan RM25.0 bilion (sumbangan: 12.4%).

Pekerja mahir memperoleh purata gaji bulanan sebanyak RM7,048, lebih dua kali ganda daripada jumlah yang diterima oleh pekerja separuh mahir sebanyak RM2,608 dan jauh lebih tinggi berbanding pekerja berkemahiran rendah yang menerima sebanyak RM1,761 seperti yang ditunjukkan di **Paparan 12**.

Paparan 12: Bilangan Pekerja bagi Subsektor Perkhidmatan mengikut Kategori Kemahiran, 2022

Bilangan Pekerja Sumbangan	Gaji & Upah Sumbangan	Purata Gaji Bulanan
 Pekerja Mahir		
1,271,003 orang 27.4%	RM107.5b 53.5%	RM7,048
 Pekerja Separuh Mahir		
2,190,147 orang 47.2%	RM68.6b 34.1%	RM2,608
 Pekerja Berkemahiran Rendah		
1,181,993 orang 25.4%	RM25.0b 12.4%	RM1,761
JUMLAH		
4,643,143 orang 100.0%	RM201.0b 100.0%	RM3,608


Ringkasan Penemuan

7.4 BILANGAN PEKERJA SEKTOR PERKHIDMATAN MENGIKUT SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Pekerja dengan kelayakan SPM/SPM(V) atau yang setaraf mewakili 44.2 peratus daripada jumlah pekerja sektor Perkhidmatan iaitu seramai 2,580,378 orang pada 2022 (**Paparan 13**). Kedudukan seterusnya adalah pemegang Diploma berjumlah 937,549 orang (sumbangan: 16.1%), diikuti oleh pekerja pemegang Ijazah Sarjana Muda/ Diploma Lanjutan atau yang setaraf berjumlah 778,532 orang (sumbangan: 13.3%).

Sektor Perkhidmatan didominasi oleh lelaki, iaitu seramai 3,383,639 orang (sumbangan: 58.0%), manakala perempuan mewakili 42.0 peratus, berjumlah 2,448,225 orang. Pekerja dengan SPM/SPM(V) atau kelayakan atau yang setaraf mempunyai jumlah pekerja lelaki tertinggi, berjumlah 1,518,628 orang (sumbangan: 44.9%), manakala pada kelayakan yang sama juga merekodkan jumlah perempuan yang lebih tinggi, seramai 1,061,750 orang (sumbangan: 43.3%).

Makanan & minuman
RM2.0b (7.5%)



Bilangan Pekerja: 306,117 orang

Perdagangan borong & runcit
135,075 orang (44.1%)

Makanan & minuman
57,077 orang (18.6%)

Pengangkutan & penyimpanan
28,888 orang (9.4%)



Gaji & Upah: RM7.5b

Perdagangan borong & runcit
RM3.5b (46.1%)

Makanan & minuman
RM0.7b (9.1%)

Pengangkutan & penyimpanan
RM0.6b (8.3%)



Harta Tetap: RM25.1b

Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara
RM6.0b (23.8%)

Penginapan
RM4.7b (18.9%)

Perdagangan borong & runcit
RM4.6b (18.3%)

(%): Peratus Sumbangan

10.13 SARAWAK

Pada tahun 2022, bilangan pertubuhan yang beroperasi di Sarawak berjumlah 63,427 pertubuhan daripada keseluruhan pertubuhan di sektor Perkhidmatan. Nilai output kasar yang direkodkan adalah RM61.1 bilion, manakala nilai input perantaraan RM27.4 bilion menghasilkan nilai ditambah sebanyak RM33.7 bilion.

Sarawak merekodkan bilangan pekerja dengan 334,268 orang daripada keseluruhan pekerja dalam sektor Perkhidmatan pada tahun 2022. Gaji & upah pula berjumlah RM9.4 billion dan nilai harta tetap merekodkan RM54.5 bilion.

Perdagangan borong & runcit merupakan penyumbang utama kepada bilangan pertubuhan di Sarawak dengan 33,354 pertubuhan atau 52.6 peratus. Ini diikuti dengan Makanan & minuman (10,654 pertubuhan; sumbangan: 16.8%) dan Pengangkutan & penyimpanan (4,898 pertubuhan; sumbangan: 7.7%). Ketiga-tiga perkhidmatan ini secara kumulatifnya menyumbang 77.1 peratus kepada jumlah pertubuhan di negeri Sarawak.

Perdagangan borong & runcit juga mencatatkan nilai output kasar tertinggi sebanyak RM22.0 bilion atau 36.0 peratus, diikuti oleh Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara sebanyak RM11.6 bilion (sumbangan: 18.9%) dan Pengangkutan & penyimpanan (RM7.8 bilion; sumbangan 12.8%). Nilai sumbangan ketiga-tiga perkhidmatan ini adalah RM41.3 bilion (sumbangan: 67.7%).

Perdagangan borong & runcit turut merekodkan nilai input perantaraan tertinggi sebanyak RM8.0 bilion dengan sumbangan 29.4 peratus, diikuti oleh Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara (RM6.3 bilion; sumbangan: 22.9%) dan Pengangkutan & penyimpanan (RM4.5 billion; sumbangan: 16.4%).

Perdagangan borong & runcit mencatatkan nilai ditambah tertinggi di Sarawak sebanyak RM13.9 bilion atau 41.3 peratus. Ini diikuti oleh Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara (RM5.3 bilion; sumbangan: 15.7%) dan Pengangkutan & penyimpanan (RM3.3 bilion; sumbangan: 9.8%).


Sementara itu, bagi bilangan pekerja, Perdagangan borong & runcit turut merekodkan bilangan pekerja yang tertinggi di Sarawak iaitu 142,937 orang dengan sumbangan 42.8 peratus. Ini diikuti oleh Makanan & minuman (61,082 orang; sumbangan: 18.3%) dan Pengangkutan & penyimpanan (36,035 orang; sumbangan: 10.8%).

Gaji & upah tertinggi juga disumbangkan oleh Perdagangan borong & runcit sebanyak RM4.1 bilion atau 43.0 peratus. Ini diikuti oleh Pengangkutan & penyimpanan (RM1.2 bilion; sumbangan 12.4%) dan Makanan & minuman (RM0.8 bilion; sumbangan 8.2%).

Ringkasan Penemuan

Selain itu, bagi nilai harta tetap, Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak RM27.9 bilion dengan sumbangan 51.2 peratus. Ini diikuti oleh Pengangkutan & penyimpanan sebanyak RM7.0 bilion (sumbangan: 12.8%) dan Perdagangan borong & runcit sebanyak RM5.6 bilion (sumbangan: 10.3%).

Paparan 29: Statistik Utama bagi Sarawak, 2022



(%): Peratus Sumbangan

10.14 WILAYAH PERSEKUTUAN

Pada tahun 2022, Wilayah Persekutuan (termasuk WP Kuala Lumpur, WP Labuan, dan WP Putrajaya) merupakan penyumbang kedua terbesar dari segi bilangan pertubuhan, selepas Selangor, dengan 133,952 pertubuhan. Namun, dari segi output kasar, Wilayah Persekutuan merekodkan RM517.1 billion daripada jumlah keseluruhan output sektor Perkhidmatan. Sehubungan itu, Wilayah Persekutuan juga mendahului bagi nilai input perantaraan dengan jumlah RM228.3 bilion yang menghasilkan nilai ditambah sebanyak RM288.8 bilion.

Bilangan pekerja di Wilayah Persekutuan untuk sektor Perkhidmatan adalah 1,371,684 orang daripada keseluruhan bilangan pekerja di seluruh negara. Wilayah Persekutuan juga menyumbang sumbangan terbesar dalam pembayaran gaji & upah berjumlah RM68.3 bilion daripada keseluruhan nasional. Dari segi aset tetap yang dimiliki oleh pertubuhan adalah bersamaan dengan RM549.0 bilion, dimiliki oleh pertubuhan di Wilayah Persekutuan.

Perdagangan borong & runcit merupakan penyumbang utama kepada bilangan pertubuhan di Wilayah Persekutuan dengan 62,751 pertubuhan atau 46.8 peratus. Ini diikuti oleh Makanan & minuman (14,464 pertubuhan; sumbangan: 10.8%) dan Profesional (11,661 pertubuhan; sumbangan: 8.7%). Secara keseluruhan, ketiga-tiga perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 57.7 peratus daripada jumlah bilangan pertubuhan di Wilayah Persekutuan. Perdagangan borong & runcit juga mencatatkan output kasar tertinggi sebanyak RM134.9 bilion atau 26.1 peratus, diikuti oleh Maklumat & komunikasi dengan RM124.3 bilion (sumbangan: 24.0%) dan Kewangan dengan RM105.0 bilion (sumbangan: 20.3%). Sumbangan ketiga-tiga perkhidmatan ini berjumlah RM364.3 bilion atau 70.4 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai output kasar sektor Perkhidmatan di Wilayah Persekutuan.

Bagi input perantaraan, Perdagangan borong & runcit menyumbang sumbangan terbesar sebanyak 24.5 peratus atau RM56.0 bilion, diikuti rapat oleh Maklumat & komunikasi dengan sumbangan 24.4 peratus (RM55.8 bilion). Perkhidmatan kewangan berada di tempat ketiga dengan sumbangan sebanyak 16.6 peratus (RM38.0 bilion). Selaras dengan prestasi output kasar, Perdagangan borong & runcit mencatatkan nilai ditambah tertinggi di Wilayah Persekutuan dengan jumlah sebanyak RM78.9 bilion (sumbangan: 27.3%). Ini diikuti oleh Maklumat & komunikasi dengan RM68.5 bilion (23.7%) dan Kewangan dengan RM67.0 bilion (23.2%).

Sementara itu, dari segi bilangan pekerja, Perdagangan borong & runcit juga mencatatkan bilangan pekerja tertinggi di Wilayah Persekutuan, iaitu sebanyak 429,180 orang dengan sumbangan sebanyak 31.3 peratus. Ini diikuti oleh Kewangan dengan 217,814 orang (sumbangan: 15.9%) dan Makanan & minuman dengan 162,362 orang (sumbangan: 11.8%).

Ringkasan Penemuan

Gaji & upah tertinggi juga disumbangkan oleh Perdagangan borong & runcit, berjumlah RM21.8 bilion atau 31.9 peratus. Ini diikuti oleh Kewangan (RM14.5 bilion; sumbangan: 21.3%) dan Maklumat & komunikasi (RM10.5 bilion; sumbangan: 15.4%). Selain itu, bagi nilai aset tetap, Kewangan mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak RM181.6 bilion, menyumbang 33.1 peratus kepada jumlah keseluruhan aset tetap. Ini diikuti oleh Maklumat & komunikasi dengan RM84.0 bilion (sumbangan: 15.3%) dan Pengangkutan & penyimpanan dengan RM53.2 bilion (sumbangan: 9.7%).

Paparan 30: Statistik Utama bagi Wilayah Persekutuan, 2022



WILAYAH PERSEKUTUAN



Bilangan Pertubuhan: 133,952

Perdagangan borong & runcit
62,751 (46.8%)

Makanan & minuman
14,464 (10.8%)

Profesional
11,661 (8.7%)



Nilai Output Kasar: RM517.1b

Perdagangan borong & runcit
RM134.9b (26.1%)

Maklumat & komunikasi
RM124.3b (24.0%)

Kewangan
RM105.0b (20.3%)



Nilai Input Perantaraan: RM228.3b

Perdagangan borong & runcit
RM56.0b (24.5%)

Maklumat & komunikasi
RM55.8b (24.4%)

Kewangan
RM38.0b (16.6%)



Nilai Ditambah: RM288.8b

Perdagangan borong & runcit
RM78.9b (27.3%)

Maklumat & komunikasi
RM68.5b (23.7%)

Kewangan
RM67.0b (23.2%)



Bilangan Pekerja: 1,371,684 orang

Perdagangan borong & runcit
429,180 orang (31.3%)

Kewangan
217,814 orang (15.9%)

Makanan & minuman
162,362 orang (11.8%)



Gaji & Upah: RM68.3b

Perdagangan borong & runcit
RM21.8b (31.9%)

Kewangan
RM14.5b (21.3%)

Maklumat & komunikasi
RM10.5b (15.4%)



Harta Tetap: RM549.0b

Kewangan
RM181.6b (33.1%)

Maklumat & komunikasi
RM84.0b (15.3%)

Pengangkutan & penyimpanan
RM53.2b (9.7%)

(%): Peratus Sumbangan

Evolusi Sektor Perkhidmatan Malaysia: Tinjauan Statistik dan Impak Ekonomi

Raziatul Rashidah Mohd. Yusof; Sitee Suria Zakaria; Suhaya Komari; Masitah Kamaludin;
Maznah Amirah Muhamad Amin

Bahagian Perangkaan Perkhidmatan, Jabatan Perangkaan Malaysia

1. Pengenalan

Sektor perkhidmatan adalah tonggak utama ekonomi Malaysia, mencerminkan peralihan negara daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi yang pelbagai dan perindustrian. Evolusi sektor ini telah memacu pertumbuhan ekonomi, sektor pekerjaan dan pembangunan negara secara keseluruhan. Artikel ini mengupas landskap sejarah dan landskap semasa sektor perkhidmatan Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada peranan penting yang dimainkan oleh Banci Ekonomi yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Banci ini menyediakan data penting yang membentuk dasar dan menggalakkan pengembangan sektor.

Selain Banci Ekonomi, survei lain yang dijalankan oleh DOSM turut memainkan peranan penting dalam merangkumi pelbagai aspek sektor perkhidmatan. Survei Perkhidmatan Suku Tahunan (SPST), misalnya, menawarkan maklumat yang tepat tentang prestasi pelbagai industry perkhidmatan, membolehkan penggubal dasar dan perniagaan bertindak balas dengan pantas kepada arah aliran dan cabaran ekonomi. Survei Tenaga Buruh (STB) menyediakan maklumat penting tentang corak pekerjaan dan dinamik tenaga kerja dalam sektor perkhidmatan, membantu menangani isu berkaitan penawaran dan permintaan pasaran buruh. Tambahan pula, Survei Ekonomi Tahunan (AES) untuk sektor perkhidmatan memberikan analisis yang mendalam tentang prestasi kewangan, kecekapan operasi dan perubahan struktur dalam sesebuah sektor, memudahkan keputusan dibuat berdasarkan data dan pelaburan strategik.

2. Banci Ekonomi: Asas Utama Kepada Dasar dan Pertumbuhan

Banci Ekonomi yang dijalankan setiap lima tahun oleh DOSM merupakan alat yang sangat penting untuk memahami dinamik sektor perkhidmatan Malaysia. Banci komprehensif ini mengumpulkan maklumat terperinci tentang pelbagai aspek sesebuah sektor seperti bilangan pertubuhan, output, input, nilai tambah, pekerjaan, gaji & upah, aset tetap dan data mengenai akses internet dan juga pinjaman.

Ia juga termasuk modul daya saing yang merangkumi aspek seperti penglibatan ekonomi digital, akses kepada pembiayaan, inovasi, dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), aktiviti import dan eksport, perbelanjaan alam sekitar, dan penggunaan teknologi yang berkaitan dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0). Tambahan pula, Banci Ekonomi membincangkan butiran khusus sektor, termasuk yang berkaitan dengan perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas, serta anak syarikat sekutu asing, bagi memastikan pemahaman yang menyeluruh tentang pelbagai sektor yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Dapatan yang diperolehi daripada banci ini adalah penting untuk penggubal dasar, ahli ekonomi dan pemain industri, membolehkan keputusan bermaklumat dibuat dan perancangan yang lebih strategik.

3. Dapatan Utama daripada Banci Ekonomi 2023 (Tahun Rujukan 2022)

Pada tahun 2022, Banci Ekonomi menunjukkan terdapat 951.9 ribu pertubuhan dalam sektor perkhidmatan di Malaysia. Selangor muncul sebagai penyumbang utama dengan 24.4 peratus daripada pertubuhan ini, diikuti oleh Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang, dan Perak. Sektor borong & runcit sahaja menyumbang 475.6 ribu pertubuhan (sumbangan: 50.0%), menunjukkan kepentingannya dalam landskap perkhidmatan yang lebih luas.

Banci Ekonomi juga menekankan sumbangan besar sektor perkhidmatan kepada pekerjaan, pendapatan dan aset. Sektor perkhidmatan mencatatkan 5.8 juta orang pekerja dengan gaji & upah berjumlah RM204.4 bilion pada 2022. Dari segi aset, sektor Perkhidmatan merekodkan sebanyak RM1,219.9 bilion. Dengan menyediakan parameter ini, Banci Ekonomi membantu mengenal pasti arah aliran pertumbuhan, anjakan sektoral dan peluang yang muncul dalam sektor perkhidmatan.

4. Sejarah Evolusi Sektor Perkhidmatan Malaysia

Pasca merdeka, Malaysia bergantung kepada ekonomi pertanian, dengan sektor perkhidmatan memainkan peranan sekunder. Perkhidmatan tradisional seperti runcit, pengangkutan dan perkhidmatan kerajaan merupakan sebahagian besar daripada sektor ini, hanya menyumbang secara sederhana kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Tahun 1970-an dan 1980-an merupakan era perindustrian, didorong oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan dan penstrukturan semula ekonomi. Pelaburan dalam infrastruktur mendorong pertumbuhan perkhidmatan pengangkutan dan logistik. Perkembangan ini menyokong perdagangan dan memudahkan integrasi Malaysia ke dalam ekonomi global, menjadikan logistik sebagai elemen penting dalam pertumbuhan perindustrian yang berorientasikan eksport. Pada masa yang sama, sektor perkhidmatan dipelbagaikan melangkaui kewangan, insurans, pengangkutan dan logistik, dengan kemunculan perkhidmatan profesional seperti perundangan, perakaunan dan perundingan,

yang menjadi penting kepada ekonomi yang lebih kompleks dan pelbagai.

Pada tahun 1990-an, kerajaan Malaysia meliberalisasikan sektor perkhidmatan untuk menarik lebih banyak pelabur asing, memperkenalkan tenaga pakar dan teknologi, dan meningkatkan daya saing sektor perkhidmatan di Malaysia. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan ekonomi dan membuka sektor yang sebelum ini terhad kepada penyertaan asing. Faedah liberalisasi ini termasuk menarik pelaburan langsung asing (FDI), menggalakkan pemindahan kepakaran dan teknologi, membolehkan syarikat Malaysia berkembang di peringkat dunia, mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi, dan meningkatkan daya saing dalam sektor perkhidmatan.

Sebagai sebahagian daripada transformasi ini, pada tahun 1990, Malaysia melancarkan kempen 'Tahun Melawat Malaysia' yang pertama. Inisiatif ini bertujuan untuk memanfaatkan langkah-langkah liberalisasi yang melonggarkan sekatan perjalanan, meningkatkan hubungan antarabangsa dan meningkatkan usaha promosi di peringkat antarabangsa. Liberalisasi sektor pelancongan membolehkan Malaysia membangun dan mengembangkan infrastruktur pelancongannya, termasuk lapangan terbang, hotel, dan tarikan pelancong, bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada pelancong antarabangsa. Dengan menerima pelaburan asing dan memupuk persaingan, Malaysia berjaya menarik modal yang besar ke dalam industri pelancongan, yang seterusnya meningkatkan daya tarikannya sebagai destinasi pelancongan. Hasilnya, peningkatan ketara dalam ketibaan pelancong antarabangsa di Malaysia dalam tempoh ini, mencecah kira-kira 7.4 juta pelawat dan berkembang kepada 3 kempen seterusnya seperti dalam **Paparan 31**. Pertumbuhan ini bukan sahaja menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara tetapi juga meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing dalam pasaran pelancongan global.

Paparan 31: Jumlah ketibaan pelancong semasa Tahun Melawat Malaysia



Sumber: Pelancongan Malaysia

Selain daripada sektor pelancongan, kerajaan telah memulakan beberapa siri reformasi kewangan yang bertujuan untuk meliberalisasikan sektor kewangan yang bermula seawal tahun 1970-an tetapi mendapat momentum yang ketara pada tahun 1990-an. Pembaharuan ini termasuk mengurangkan kawalseliaan kadar faedah, membenarkan bank asing beroperasi di Malaysia dan meningkatkan rangka kerja kawal selia untuk institusi kewangan. Matlamat reformasi ini adalah untuk mewujudkan sistem kewangan yang lebih berdaya saing dan cekap yang boleh menyokong pertumbuhan pesat ekonomi negara.

Liberalisasi sektor perkhidmatan berterusan sehingga tahun 2000-an. Pada tahun 2009, kerajaan Malaysia meneruskan langkah liberalisasi, menghapuskan syarat ekuiti untuk pelabur asing merentasi 27 subsektor perkhidmatan. Ini diikuti dengan pembaharuan tambahan pada 2011, membenarkan sehingga 100 peratus penyertaan ekuiti asing dalam tujuh sektor perkhidmatan. Usaha ini dibangunkan untuk melengkapkan pertumbuhan sektor pembuatan dan memastikan promosi dan pembangunan berterusan sektor perkhidmatan melalui liberalisasi progresif.


Pada masa yang sama, Malaysia mengalami transformasi teknologi yang pesat didorong oleh pelaburan yang besar dalam infrastruktur telekomunikasi dan teknologi maklumat. Pendirian proaktif kerajaan dalam mempromosikan penggunaan digital merentas sektor mendorong pertumbuhan ketara dalam industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), e-dagang dan perkhidmatan digital. Evolusi ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti, ketersambungan dan daya saing global Malaysia. Inisiatif penting dalam tempoh ini ialah pengenalan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada Ogos 1996 oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Direka untuk meletakkan Malaysia sebagai hab global untuk ICT dan multimedia, MSC menarik syarikat teknologi antarabangsa utama dan memupuk syarikat baharu tempatan melalui insentif seperti pengecualian cukai dan geran R&D. Dari masa ke masa, MSC meluaskan tumpuannya dengan memasukkan teknologi membangun seperti bandar pintar dan teknologi mampan, mengukuhkan lagi peranan Malaysia dalam landskap teknologi antarabangsa.

Awal 2000-an menyaksikan Malaysia meningkatkan integrasinya ke dalam ekonomi global. Integrasi global memainkan peranan penting dalam membentuk eksport perkhidmatan Malaysia, mempengaruhi pelbagai sektor seperti pelancongan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan profesional. Malaysia menjadi destinasi terkemuka untuk pelancongan perubatan dan pendidikan tinggi, menarik pelajar antarabangsa melalui kerjasama dengan universiti luar negara dan institusi pendidikan berkualiti. Dalam penjagaan kesihatan, industri pelancongan perubatan Malaysia telah berkembang maju, menawarkan perkhidmatan perubatan berkualiti tinggi pada harga yang kompetitif kepada pesakit antarabangsa.

Strategi utama Malaysia ialah penerapan dasar ekonomi yang menggalakkan perdagangan dan pelaburan bebas. Dengan mengurangkan halangan perdagangan dan meningkatkan insentif eksport, Malaysia mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan berkembang maju dan mengembangkan jejak global mereka. Tarikan FDI merupakan komponen utama, membolehkan syarikat multinasional memanfaatkan tenaga kerja pakar Malaysia, lokasi strategik dan infrastruktur sokongan untuk mewujudkan hab operasi dan pembuatan serantau.

Keahlian dalam Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) memantapkan lagi usaha integrasi global Malaysia. Perjanjian perdagangan serantau ASEAN dan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan negara-negara seperti Jepun, China, dan India memberikan Malaysia akses pasaran yang lebih luas dan memudahkan penyertaan dalam rangkaian bekalan global. Perjanjian ini bukan sahaja menggalakkan perdagangan antarabangsa tetapi juga menarik pelaburan dalam sektor-sektor yang meliputi pembuatan hingga perkhidmatan, mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi perniagaan yang ingin menerokai pasaran ASEAN yang dinamik dan juga pasaran dunia.

Paparan 32: Sejarah Evolusi Sektor Perkhidmatan Malaysia



5. Landskap Semasa Sektor Perkhidmatan Malaysia


5.1 Sumbangan ekonomi dan Komposisi Sektor

Sektor perkhidmatan kini merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia dengan sumbangan melebihi 55 peratus daripada jumlah output. Ia merangkumi pelbagai aktiviti, termasuk kewangan, insurans, hartanah, perkhidmatan perniagaan, perdagangan, pengangkutan, komunikasi, pelancongan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan. Pertumbuhan yang teguh bukan sahaja meningkatkan pembangunan ekonomi tetapi juga memainkan peranan penting dalam membuka peluang pekerjaan.

Dari segi perdagangan perkhidmatan antarabangsa, pada 2023, Malaysia merekodkan RM433.2 bilion jumlah perdagangan antabangsa perkhidmatan, merangkumi 23.8 peratus daripada KDNK pada harga semasa seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 33**. Komponen utama eksport perkhidmatan Malaysia ialah Perjalanan, Perkhidmatan Perniagaan Lain, Pengangkutan, Telekomunikasi, Komputer & Maklumat dan Perkhidmatan Pembuatan. Lima sektor ini menyumbang 88.2 peratus daripada jumlah eksport perkhidmatan, meningkat daripada 86.8 peratus pada 2022. Dari segi import, komponen utama ialah Pengangkutan, Perkhidmatan Perniagaan Lain, Perjalanan, Telekomunikasi, Komputer & Maklumat, dan Caj Penggunaan Harta Intelek T.T.T.L. Kategori ini menyumbang 84.7 peratus daripada keseluruhan import perkhidmatan, berbanding 84.3 peratus pada 2022 seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 34**.

Angka yang besar ini mencerminkan peningkatan integrasi sektor ke dalam pasaran global dan membuktikan kepentingan sektor perkhidmatan dalam landskap ekonomi Malaysia. Keupayaan sektor perkhidmatan untuk menarik pelabur asing, membangunkan infrastruktur, dan menggalakkan kemajuan teknologi telah meningkatkan sumbangan kepada ekonomi, menunjukkan hubungan sinergi antara pertumbuhan sektor perkhidmatan dan kesannya terhadap komposisi KDNK Malaysia.


Paparan 33: Eksport, Import dan Imbangan Perdagangan dalam Perkhidmatan (RM bilion), 2019-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Paparan 34: Eksport dan Import Mengikut Komponen Perkhidmatan Utama, 2023

EXPORTS: RM195.0b



IMPORTS: RM238.2b



Nota: (%) Sumbangan, b bilion

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

5.2 Sub-Sektor Utama

5.2.1. Perkhidmatan Kewangan

Sektor perkhidmatan kewangan Malaysia telah berkembang pesat dengan sistem perbankan, pasaran modal dan industri insurans yang kukuh. Pada tahun 2022, subsektor Kewangan mencatatkan peningkatan output kasar kepada RM172.0 bilion daripada RM122.4 bilion pada tahun 2015, menyumbang sebanyak 12.1 peratus daripada jumlah output kasar dalam sektor perkhidmatan. Sektor kewangan negara telah memperoleh manfaat daripada reformasi peraturan, kemajuan teknologi dan usaha untuk mempromosikan kewangan Islam. Perkembangan ini telah dilengkapi dengan usaha Malaysia untuk mempromosikan kewangan Islam, dengan Kuala Lumpur muncul sebagai pusat utama dalam *niche* ini secara global.


Pusat kepada kemajuan kewangan Malaysia adalah Tun Razak Exchange, juga dikenali sebagai TRX, satu pembangunan transformasi yang direka untuk meningkatkan status Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan antarabangsa. TRX juga menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan kewangan baru, terutamanya dalam bidang seperti kewangan Islam, teknologi kewangan (fintech), dan kewangan mampan.

Secara keseluruhan, sinergi antara sektor perkhidmatan kewangan Malaysia yang maju dan inisiatif seperti TRX menunjukkan komitmen negara untuk menjadi pusat kewangan global yang dinamik. Melalui rangka kerja peraturan, kemajuan teknologi dan bidang khusus seperti kewangan Islam dan kewangan mampan, Malaysia terus mengukuhkan kedudukannya dalam landskap kewangan global dengan menawarkan peluang yang pelbagai untuk pertumbuhan dan inovasi dalam industri perkhidmatan kewangan.

5.2.2. Pelancongan dan Hospitaliti

Pelancongan adalah komponen penting dalam sektor perkhidmatan Malaysia, menyumbang secara signifikan kepada pendapatan pertukaran asing dan juga pekerjaan. Pada tahun 2022, pelancongan memainkan peranan penting kepada pemulihan ekonomi Malaysia selepas pandemik, menyumbang secara signifikan kepada KDNK dan pekerjaan. Pembukaan semula sempadan antarabangsa pada April 2022 telah membawa kepada peningkatan kedatangan pelancong, dengan Malaysia menyambut 10,070,964 pengunjung antarabangsa menjelang akhir tahun tersebut. Hasil pelancongan ini memperoleh pendapatan yang tinggi, dengan terimaan pelancongan mencapai RM28.2 bilion (**Paparan 35**).


Paparan 35: Kedatangan Pelancong dan Hasil Pelancongan ke Malaysia, 2022



Sumber: Pelancongan Malaysia

Sementara itu, Pendapatan Pelancongan Berasaskan Nilai Tambah Kasar (GVATI) adalah sebanyak RM251.5 bilion pada tahun 2022, mewakili 14.0 peratus daripada KDNK Malaysia, meningkat daripada 12.8 peratus pada tahun sebelumnya (**Paparan 36**). Perdagangan runcit terus menjadi penyumbang utama kepada industri pelancongan, dengan sumbangan sebanyak 54.1 peratus, diikuti oleh Perkhidmatan makanan & minuman dengan 17.1 peratus.

Paparan 36: GVATI, perubahan peratusan tahunan dan saham peratusan kepada KDNK, 2015-2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rencana

Bagi pelancongan domestik di Malaysia, industri ini menunjukkan peningkatan yang ketara bagi bilangan pelawat domestik dan perbelanjaan pelancongan pada tahun 2023 selepas beberapa tahun menghadapi krisis COVID-19. Sebanyak 213.7 juta pelawat domestik dicatatkan pada tahun 2023 dengan peningkatan sebanyak 24.6 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 160.1%) (**Paparan 37**). Sementara itu, perbelanjaan pelancongan domestik meningkat sebanyak 32.5 peratus pada tahun 2023 (2022: 248.1%) dengan jumlah RM84.9 billion dibelanjakan untuk pelancongan domestik pada tahun 2023 berbanding RM64.1 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Walaupun terdapat pemulihan pada tahun 2023, kedua-dua bilangan pelawat domestik dan perbelanjaan pelancongan domestik masih menunjukkan kadar pertumbuhan negatif berbanding tahun 2019 yang menjadi penanda aras untuk pra-pandemik dengan masing-masing mencatatkan -10.6 peratus dan -17.7 peratus. Perbandingan ini menunjukkan walaupun terdapat kemajuan ketara dalam pemulihan daripada kemerosotan yang disebabkan oleh pandemik, sektor pelancongan di Malaysia belum sepenuhnya kembali kepada tahap pra-pandemik pada tahun 2023.

Paparan 37: Bilangan Pelancong dan Jumlah Perbelanjaan Pelancongan Domestik, 2022 dan 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

5.2.3. Penjagaan Kesihatan

Sektor kesihatan di Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang pesat, didorong oleh pelaburan dalam infrastruktur perubatan, kemajuan dalam perkhidmatan kesihatan dan peningkatan pelancongan perubatan. Pelancongan kesihatan sememangnya merupakan industri yang sedang berkembang di Malaysia dengan menunjukkan pertumbuhan yang ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2019, Malaysia menarik lebih daripada 1.3 juta pelancong kesihatan, menghasilkan kira-kira RM 1.7 bilion dalam pendapatan (**Paparan 38**). Pertumbuhan industri ini disokong oleh harga yang kompetitif, perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi dan kemudahan perubatan moden di Malaysia. Walaupun pandemik

COVID-19 telah memberi kesan sementara kepada pelancongan kesihatan di seluruh dunia, Malaysia telah aktif berusaha untuk menghidupkan semula sektor ini. Pada tahun 2022, Malaysia mencatatkan 850 ribu pelancong kesihatan dengan pendapatan RM1.3 bilion, iaitu 76 peratus daripada prestasi pra-pandemik pada tahun 2019. Kerajaan, melalui Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia, berhasrat untuk mencapai pendapatan RM 2.8 bilion daripada pelancongan kesihatan menjelang tahun 2025, sekali gus mengukuhkan Malaysia sebagai destinasi utama untuk pelancong perubatan di rantau ini.

Paparan 38: Prestasi Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia, 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

5.2.4. ICT dan Perkhidmatan Digital

Sektor ICT kekal sebagai teras industri perkhidmatan Malaysia, yang disokong secara signifikan oleh inisiatif termasuk Koridor Raya Multimedia (MSC). Direka untuk menarik syarikat-syarikat ICT multinasional, MSC telah berjaya menarik pelaburan ke Malaysia, terutamanya dalam sektor seperti pembangunan perisian, telekomunikasi, perkhidmatan IT dan penciptaan kandungan digital. Syarikat-syarikat ini tertarik kepada tenaga kerja mahir Malaysia dan persekitaran perniagaan yang kondusif yang dipupuk oleh insentif dan infrastruktur MSC.


Rencana

Pada tahun 2022, sektor ICT dan e-dagang secara kolektif memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi Malaysia, menyumbang sebanyak 23.0 peratus kepada KDNK negara dengan nilai keseluruhan RM412.3 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh Nilai Tambah Kasar sektor ICT (GVAICT) sebanyak 13.6 peratus dan aktiviti e-dagang industri lain sebanyak 9.4 peratus. Sektor ini menunjukkan pertumbuhan yang kukuh, berkembang sebanyak 14.8 peratus berbanding 12.2 peratus pada tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 39**.

Pengembangan ini menunjukkan kepentingan yang semakin meningkat bagi ICT dan e-dagang dalam landskap ekonomi Malaysia. Selain menyumbang secara signifikan kepada KDNK, sektor-sektor ini memainkan peranan penting dalam memacu inovasi, meningkatkan produktiviti di seluruh industri dan mencipta peluang pekerjaan. Pertumbuhan yang berterusan mencerminkan fokus strategik Malaysia terhadap transformasi digital dan kemampuannya untuk memanfaatkan teknologi dalam memacu kemajuan ekonomi dan daya saing di peringkat global.

Bagi perkhidmatan digital, Malaysia telah membuat kemajuan yang ketara dalam mendigitalkan perkhidmatan kerajaan melalui inisiatif seperti MyGovernment, yang menyediakan akses dalam talian kepada pelbagai perkhidmatan dan maklumat kerajaan untuk rakyat.

Paparan 39: Sumbangan ICT kepada ekonomi: Nilai, perubahan peratusan tahunan dan bahagian peratus



Sumber: DOSM

5.2.5. Perdagangan Borong dan Runcit

Perdagangan borong & runcit di Malaysia merupakan sebahagian penting daripada ekonomi negara, menyumbang secara signifikan kepada pekerjaan, KDNK, dan perbelanjaan pengguna. Sektor ini memainkan peranan penting dalam pengagihan barang dan perkhidmatan, menghubungkan pengeluar dengan pengguna di pelbagai sektor ekonomi. Sektor borong & runcit yang mempunyai 475.6 ribu pertubuhan telah menjadi kunci dalam membantu perdagangan dan perniagaan di seluruh negara. Pada tahun 2022, sektor ini menyumbang 17.6 peratus kepada KDNK, meningkat daripada 16.8 peratus pada tahun 2021.

Sektor borong & runcit menghadapi pelbagai cabaran termasuk persaingan dari jenama antarabangsa, peningkatan kos operasi, keperluan untuk menyesuaikan diri dengan transformasi digital dan juga kesan pandemik. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran ini juga menawarkan peluang untuk inovasi, pengembangan pasaran dan kerjasama dengan rantaian bekalan global. Kemunculan e-dagang telah mengubah landskap runcit di Malaysia dengan bilangan pengguna yang semakin meningkat memilih membeli-belah dalam talian, terutamanya semasa pandemik COVID-19. Penemuan dari Banci Ekonomi terkini menunjukkan bahawa jualan runcit bukan di gerai, kedai atau pasar menyumbang RM8.5 bilion kepada nilai tambah keseluruhan sektor Perdagangan borong & runcit pada tahun 2022, meningkat daripada RM1.4 bilion pada tahun 2018, menunjukkan peralihan yang ketara ke arah jualan runcit dalam talian. Trend ini juga telah mendorong pertumbuhan dalam perkhidmatan logistik dan pembayaran digital, menyumbang kepada perkembangan keseluruhan sektor runcit.

5.2.6. Pekerjaan dan Pembangunan Tenaga Kerja

Sektor ini merupakan penyumbang utama yang menyediakan pekerjaan kepada jutaan orang di pelbagai subsektor. Banci Ekonomi 2023 mendedahkan bahawa sektor perkhidmatan menyumbang 58.3 peratus kepada bilangan pekerja yang terlibat pada tahun 2022, dengan jumlah gaji dan upah berjumlah RM204.4 bilion atau 57.6 peratus daripada jumlah gaji yang direkodkan pada tahun 2022.

Untuk meningkatkan pembangunan tenaga kerja, Malaysia telah melabur dalam pelbagai inisiatif yang menasaskan peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran. Contohnya, Pelan Induk Produktiviti Malaysia bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor perkhidmatan sebanyak 2.3 peratus setiap tahun yang berfokuskan kepada peningkatan kemahiran dan inovasi. Ia memberi tumpuan kepada pembangunan bakat melalui inisiatif peningkatan dan penyesuaian kemahiran untuk memastikan tenaga kerja memenuhi keperluan industri dengan bekerjasama dengan institusi pendidikan dan pemain industri. Pelan ini juga menggalakkan transformasi digital dengan mendorong penggunaan teknologi dan

automasi, terutama menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam melaksanakan penyelesaian digital. Selain itu, pelan ini menekankan inovasi dan R&D untuk memacu penciptaan produk dan perkhidmatan baru bagi memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa berubah. Penilaian prestasi ditetapkan untuk mengesan kemajuan dan mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan bagi memastikan sektor perkhidmatan kekal kompetitif dan responsif terhadap perubahan ekonomi global.

5.2.7. Ketidakseimbangan Wilayah

Walaupun sektor perkhidmatan telah memacu pertumbuhan ekonomi, ketidakseimbangan wilayah masih wujud. Kawasan bandar, terutamanya Kuala Lumpur dan Selangor, telah melalui pertumbuhan yang lebih signifikan berbanding dengan kawasan luar bandar. Penyelesaian ketidakseimbangan ini memerlukan pelaburan yang disasarkan dalam infrastruktur, pendidikan dan pembangunan kemahiran di kawasan yang kurang maju.

Untuk mengatasi ketidakseimbangan wilayah, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk penubuhan koridor ekonomi seperti Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Koridor Pembangunan Sabah untuk merangsang pertumbuhan di kawasan yang kurang maju. Pelaburan dalam infrastruktur seperti lebuhraya dan jalur lebar adalah bertujuan untuk meningkatkan kesalinghubungan dan aksesibiliti. Kerajaan juga memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran tenaga kerja melalui latihan vokasional dan program pendidikan, di samping menawarkan insentif pelaburan untuk menarik perniagaan ke kawasan luar bandar. Selain itu, program pembangunan luar bandar meningkatkan taraf hidup dan promosi pelancongan merangsang ekonomi tempatan dengan mewujudkan pekerjaan dan merangsang aktiviti ekonomi. Usaha-usaha ini secara kolektif bertujuan untuk mengimbangkan pembangunan ekonomi dan mengurangkan ketidaksamaan wilayah.

6. Trend yang Membentuk Masa Depan Sektor Perkhidmatan Malaysia

Sektor perkhidmatan Malaysia sedang melalui transformasi yang signifikan, didorong oleh pelbagai trend yang mengubah landskapnya. Dari inovasi digital hingga fokus pada kelestarian, trend-trend ini sedang membentuk masa depan yang dinamik untuk sektor ini.

6.1 Transformasi Digital

Transformasi digital adalah pendorong utama perubahan dalam sektor perkhidmatan Malaysia. Pandemik COVID-19 telah mempercepatkan penerimaan teknologi digital, mengubah cara penyampaian dan corak penggunaan perkhidmatan. E-dagang, fintech, telekesihatan dan pendidikan dalam talian telah berkembang dengan pesat dengan sokongan inisiatif seperti pelan MyDIGITAL.

Penggunaan dalam talian telah meningkat, didorong oleh ketersediaan dan kemudahan platform e-dagang. Pengguna Malaysia semakin beralih kepada pembelian dalam talian untuk pelbagai produk dan perkhidmatan, dari barangan runcit hingga barangan elektronik. Peralihan ini sedang mengubah landskap runcit, mendorong perniagaan untuk memperkukuhkan keberadaannya di dalam talian dan mengoptimalkan strategi pemasaran digital. Jualan e-dagang di Malaysia dijangka berkembang sebanyak 10.6 peratus setiap tahun, mencapai RM45 bilion menjelang 2025.

Pada tahun 2023, Perdagangan Runcit menyumbang 8.6 peratus kepada KDNK dalam harga malar dan 12.7 peratus kepada pekerjaan dalam Sektor Ekonomi. Sektor ini merangkumi pelbagai jenis perniagaan seperti kedai serbaneka, pasaraya, kedai khusus dan platform runcit dalam talian. Jualan runcit *omnichannel* yang menggabungkan pengalaman runcit dalam talian dan luar talian menjadi semakin penting untuk memenuhi keperluan pengguna kepada pengalaman membeli-belah yang mudah dan lancar.

Sektor kurier dan pengangkutan juga melalui perubahan signifikan, kesan daripada transformasi digital. Kemunculan e-dagang telah meningkatkan permintaan untuk perkhidmatan penghantaran yang cekap dan boleh dipercayai, yang membawa kepada inovasi dalam pengurusan logistik. Syarikat-syarikat sedang menggunakan teknologi canggih seperti *real-time tracking*, gudang automatik dan pengoptimuman laluan untuk meningkatkan kecekapan penghantaran dan kepuasan pelanggan.

Fintech sedang mengubah landskap perkhidmatan kewangan Malaysia. Perbankan digital, penyelesaian pembayaran dalam talian, dan platform pelaburan menjadikan perkhidmatan kewangan lebih mudah diakses dan selesai. Inovasi fintech sedang merapatkan jurang dalam penyertaan kewangan, membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia menyertai sistem kewangan.

6.2 Perkhidmatan Hijau dan Kestabilan

Kelestarian semakin menjadi keutamaan dalam sektor perkhidmatan Malaysia. Perniagaan sedang mengintegrasikan amalan hijau untuk menangani kebimbangan alam sekitar dan selaras dengan matlamat kelestarian global. Sektor pelancongan sedang mempromosikan eko-pelancongan, manakala sektor kewangan sedang menerapkan kewangan lestari melalui bon hijau dan produk pelaburan lestari. Bersama-sama dengan usaha-usaha ini, inovasi dalam kenderaan elektrik (EV) dan kereta hidrogen memainkan peranan penting dalam mempromosikan sasaran pelepasan karbon sifar yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Negara telah menetapkan sasaran nasional untuk mempunyai 15 peratus daripada jumlah volum industri (TIV) yang terdiri daripada EV dan hibrid menjelang 2030, dan 38 peratus menjelang 2040. Pada tahun 2023, terdapat kira-kira 15,000 EV dan 200 kereta hidrogen yang didaftarkan di Malaysia, mencerminkan komitmen yang signifikan dan semakin berkembang terhadap teknologi hijau. Dengan menerima teknologi ini, Malaysia mensasarkan untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil dan menurunkan pelepasan karbon, demi mewujudkan persekitaran yang lebih bersih.

Pada tahun 2022, Malaysia melaksanakan beberapa dasar utama untuk mempromosikan kelestarian dan pengangkutan hijau. Dasar Automotif Negara (NAP) 2020 telah dikemas kini untuk menyokong peralihan kepada kenderaan elektrik dan hidrogen, termasuk insentif seperti diskaun sehingga RM10,000 untuk pembeli EV. Kerajaan juga memperkenalkan Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) yang telah memperuntukkan RM500 juta untuk memajukan teknologi hijau dan menyokong projek tenaga lestari. Selain itu, Agensi Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) terus mempromosikan tenaga boleh diperbaharui dan penggunaan teknologi cekap tenaga, dengan sasaran untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui kepada 31 peratus daripada pelbagai tenaga keseluruhan Malaysia menjelang 2025.

Dalam sektor pelancongan, adalah bermanfaat untuk mempromosikan inisiatif eko-pelancongan yang menggalakkan penggunaan EV dan kereta hidrogen untuk pengangkutan dalam destinasi pelancongan. Pendekatan ini boleh membantu mengekalkan keseimbangan ekologi dan mengurangkan jejak karbon dalam aktiviti pelancongan. Sebagai contoh, menggabungkan EV di tempat-tempat pelancongan popular seperti Langkawi dan Penang boleh mengurangkan pelepasan carbon domestik secara signifikan. Selain itu, sektor kewangan mungkin mempertimbangkan untuk menerima kewangan lestari melalui bon dan produk pelaburan hijau. Langkah-langkah sedemikian boleh menyokong pembangunan infrastruktur EV, seperti stesen pengecas dan memperkukuhkan pengeluaran bahan api hidrogen yang berpotensi menyumbang kepada sasaran kerajaan untuk mempunyai 100,000 EV di jalan raya menjelang 2030.

7. Rantain Kehadapan

Sektor perkhidmatan di Malaysia, yang merangkumi pelbagai aktiviti dari perkhidmatan tradisional hingga moden, memainkan peranan penting dalam ekonomi negara. Dalam konteks sejarah, Malaysia banyak bergantung pada perkhidmatan tradisional seperti runcit, pengangkutan, hospitaliti, dan pelancongan. Industri-industri ini telah menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia dengan menyediakan peluang pekerjaan yang signifikan dan menyumbang secara ketara kepada KDNK. Sebagai contoh, pelancongan, yang merupakan salah satu sektor perkhidmatan tradisional, kekal sebagai pemacu ekonomi utama, menarik berjuta-juta pelawat setiap tahun ke destinasi menarik.

Namun, dengan kemajuan global yang pesat dan perubahan dalam ekonomi, Malaysia menyedari keperluan untuk beralih ke arah perkhidmatan berkualiti tinggi untuk kekal berdaya saing dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Perkhidmatan berkualiti tinggi termasuk kewangan, teknologi maklumat, perundingan profesional, dan penjagaan kesihatan, menawarkan penambahan nilai yang lebih tinggi dan ketahanan yang lebih besar terhadap kestabilan ekonomi. Dengan membuat pelaburan dalam bidang-bidang ini, Malaysia dapat memanfaatkan inovasi dan teknologi, mendorong produktiviti, dan menjamin kestabilan ekonomi untuk jangka panjang.

Dalam sektor runcit, adalah penting untuk memodenkan aktiviti yang masih dikendalikan secara manual. Ini termasuk menggalakkan peruncit-peruncit untuk melabur dalam sistem yang menjimatkan kos seperti sistem pembayaran sendiri dan penyelesaian pengambilan dan pembungkusan untuk meningkatkan kepuasan pengguna. Selain itu, galakan kepada peniaga-peniaga kecil termasuk penjaja dalam mengguna pakai pembayaran pelbagai saluran seperti pembayaran *e-payment* dan *e-wallet* akan menjadikan transaksi lebih cekap dan mudah diakses. Kesan pandemik COVID-19 telah mempercepatkan penerimaan e-money dengan lonjakan dalam pembayaran tanpa sentuh dan digital, menekankan keperluan peniaga kecil untuk mengintegrasikan teknologi ini bagi memenuhi permintaan pengguna untuk pilihan pembayaran yang lebih selamat dan mudah. Berdasarkan maklumat Bank Negara, transaksi menggunakan wang elektronik meningkat kepada RM106.7 bilion pada tahun 2023, berbanding RM18.2 bilion yang direkodkan pada tahun 2019, sebelum pandemik. Pertumbuhan eksponen dalam transaksi wang elektronik ini menekankan peralihan besar dalam tingkah laku pengguna ke arah kaedah pembayaran digital.

Selain itu, Malaysia boleh memfokuskan kepada kewangan Islam sebagai bidang *niche*, memandangkan negara ini telah menjadi pelopor global dalam sektor ini. Dengan rangka kerja peraturan yang kukuh dan majoriti dalam pasaran kewangan Islam antarabangsa, Malaysia mempunyai pasaran sukuk terbesar di dunia, mewakili 40 peratus sukuk global yang belum matang. Industri ini telah berkembang lebih dua kali ganda dalam dekad lalu dan dijangka mencapai USD6.7 trilion menjelang 2027. Pasaran Modal Islam juga menyumbang 63 peratus kepada keseluruhan pasaran modal Malaysia. Mengembangkan niche ini dapat menarik pelaburan antarabangsa dan menjadikan Malaysia pusat utama perkhidmatan kewangan Syariah.

Pelancongan perubatan merupakan satu lagi bidang niche berpotensi bagi Malaysia, yang menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi pada harga yang kompetitif, dan berpotensi menarik lebih banyak pesakit antarabangsa. Sektor penjagaan kesihatan Malaysia beroperasi dengan sistem dua lapisan, iaitu penjagaan kesihatan sejagat berasaskan kerajaan dan sistem swasta yang berkesan. Diunjurkan berkembang kepada 127 bilion ringgit (US\$30 bilion) menjelang 2027, sektor ini akan mendapat manfaat daripada populasi yang semakin menua, peningkatan kemakmuran, dan jangka hayat yang lebih panjang. Yuran perubatan di Malaysia adalah antara yang terendah di dunia, sekitar 40 peratus lebih rendah berbanding Amerika Syarikat dan United Kingdom, dengan subsidi kerajaan sehingga 98 peratus. Pada 2019, sebanyak RM29 bilion ringgit telah diperuntukkan untuk penjagaan kesihatan. Bagi mengurangkan beban kewangan, Kerajaan telah menggalakkan pelaburan swasta dalam bidang pelancongan perubatan, pembuatan peranti perubatan, farmaseutikal, dan penyelidikan klinikal. Justeru, Malaysia dikenali sebagai pelopor pusat perkhidmatan kesihatan di ASEAN, walaupun menghadapi persaingan dari Singapura dan Thailand.

Selain daripada kewangan Islam dan pelancongan perubatan, Malaysia boleh menumpukan perhatian kepada *niche* lain seperti logistik halal dan perkhidmatan teknologi hijau. Sebagai pengeluar produk halal utama, Malaysia perlu memanfaatkan kepakarannya untuk menyediakan perkhidmatan logistik halal yang komprehensif, memenuhi permintaan global yang semakin meningkat untuk produk yang disahkan halal. Perkhidmatan teknologi hijau, termasuk penyelesaian tenaga boleh diperbaharui dan pembangunan bandar lestari, juga menawarkan peluang yang menguntungkan. Dengan melabur dalam teknologi hijau, Malaysia boleh menyelaraskan trend kestabilan global dan menarik pelabur yang peka terhadap alam sekitar.

Dalam pada itu, eksport perkhidmatan Malaysia yang sebahagian besarnya tertumpu kepada aktiviti tradisional telah mengatasi perkhidmatan moden seperti insurans, yang boleh diperdagangkan merentasi sempadan tanpa sentuhan langsung. Perkhidmatan yang berkaitan dengan barang, yang berkaitan dengan penyertaan Rantai Nilai Global (GVC) dan termasuk perkhidmatan pembuatan pada input fizikal yang dimiliki oleh pihak lain, menyumbang 9.2 peratus kepada eksport perkhidmatan Malaysia. Ini adalah jauh lebih tinggi berbanding 4.0 peratus di negara-negara OECD dan 7.0 peratus di negara-negara ASEAN. Sebaliknya, perkhidmatan moden seperti perniagaan, ICT, kewangan, royalti, serta insurans dan pencen, menyumbang bahagian yang lebih besar dalam eksport perkhidmatan keseluruhan di negara-negara ASEAN dan OECD. Manakala, kebanyakan negara berpendapatan tinggi lebih bergantung pada eksport perkhidmatan moden, iaitu telekomunikasi dan bekalan elektrik. Selain itu, Malaysia telah secara konsisten mencatatkan defisit dalam akaun semasa perdagangan perkhidmatannya sejak tahun 1947, kecuali untuk tempoh dari 2007 hingga 2011. Justeru, MIDA perlu memberi tumpuan yang lebih kepada perkhidmatan berasaskan pelaburan untuk menarik minat pelabur asing bagi menubuhkan operasi mereka di Malaysia, yang dijangka akan meningkatkan eksport secara tidak langsung dan mengurangkan import. Perkhidmatan berasaskan pelaburan ini termasuk operasi penyelenggaraan, pembaikan, dan baik pulih (MRO), ibu pejabat serantau, penjagaan kesihatan, teknologi hijau, logistik, dan pelancongan.

Secara ringkas, walaupun perkhidmatan tradisional terus menjadi bahagian penting dalam ekonomi Malaysia, terdapat keperluan mendesak untuk beralih fokus ke arah perkhidmatan berkualiti tinggi dan *niche*. Peralihan ini bukan sahaja akan menyelaraskan Malaysia dengan trend ekonomi global tetapi juga meletakkannya sebagai pemain utama dalam pasaran perkhidmatan antarabangsa. Dengan mempelajari strategi dari negara jiran dan memanfaatkan kelebihan unik yang ada, Malaysia boleh mencapai pembangunan sektor perkhidmatan yang seimbang dan kukuh, mendukung pertumbuhan ekonomi yang lestari.

8. Kesimpulan

Secara kesimpulan, sektor perkhidmatan Malaysia telah melalui transformasi yang ketara, berkembang daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi yang lebih terpelbagai dan berindustri. Namun begitu, terdapat ruang untuk penambahbaikan dan perkembangan yang berterusan.

Dapatan daripada Banci Ekonomi dan pelbagai kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia memberikan pandangan kritikal mengenai prestasi sektor ini, serta menekankan kepentingan pengambilan keputusan yang didorong oleh data untuk pembuat dasar dan pemain industri.

Hartanah Real estate	42,905	2,653	39,787	1,298	11,258	181
Profesional Professional	171,622	9,811	113,488	3,586	41,830	737
Pentadbiran dan sokongan Administrative and support	41,348	2,091	84,923	2,006	63,371	1,124
Pendidikan swasta Private education	94,078	4,913	35,664	1,025	14,777	276
Kesihatan swasta dan kerja sosial Private health and social work	76,884	4,408	57,549	1,586	9,781	305
Kesenian, hiburan dan rekreasi Arts, entertainment and recreation	11,302	698	21,742	560	28,287	373
Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti Personal services and other activities	24,790	755	47,412	933	22,557	378

* **Termasuk pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu**
Includes managers & professionals and technicians & associate professionals

** **Termasuk pekerja sokongan perkeranian, pekerja perkhidmatan & jualan, pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan dan operator mesin & loji dan pemasangan**

Includes clerical support workers, service & sales workers, craft & related trades workers and plant & machine operators and assemblers

*** **Termasuk pekerja asas**
Includes elementary occupations

Jadual 8: Bilangan Pekerja bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, 2022
Table 8: Number of Persons Engaged for Services Sector by Sub-sector and Citizenship, 2022

Subsektor <i>Sub-sector</i>	Bilangan pekerja <i>Number of persons engaged</i>		
	Jumlah <i>Total</i>	Warganegara <i>Citizen</i>	Bukan Warganegara <i>Non-citizen</i>
Jumlah <i>Total</i>	5,831,864	5,650,890	180,974
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara <i>Electricity, gas, steam and air conditioning supply</i>	50,869	49,230	1,639
Bekalan air; pembersihan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan <i>Water supply, sewerage, waste management and remediation activities</i>	59,535	55,303	4,232
Perdagangan borong & runcit <i>Wholesale & retail trade</i>	2,171,513	2,112,540	58,973
Pengangkutan dan penyimpanan <i>Transportation and storage</i>	475,831	468,575	7,256
Penginapan <i>Accommodation</i>	157,549	149,289	8,260
Makanan dan minuman <i>Food and beverage</i>	1,079,843	1,015,596	64,247
Maklumat dan komunikasi <i>Information and communication</i>	250,509	246,643	3,866
Kewangan <i>Finance</i>	375,793	374,217	1,576
Hartanah <i>Real estate</i>	97,266	96,677	589
Profesional <i>Professional</i>	359,405	353,707	5,698
Pentadbiran dan sokongan <i>Administrative and support</i>	204,202	187,935	16,267
Pendidikan swasta <i>Private education</i>	186,354	181,159	5,195
Kesihatan swasta dan kerja sosial <i>Private health and social work</i>	156,193	155,670	523
Kesenian, hiburan dan rekreasi <i>Arts, entertainment and recreation</i>	71,004	69,695	1,309
Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti <i>Personal services and other activities</i>	135,998	134,654	1,344

Jadual 9: Statistik Utama Pertubuhan Milikan Wanita bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor, 2015 dan 2022
Table 9: Principal Statistics of Women-owned Establishments for Services Sector by Sub-sector, 2015 and 2022

Subsektor Sub-sector	Tahun Year	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Nilai output kasar Value of gross output (RM juta) (RM million)	Nilai input perantara Value of intermediate input (RM juta) (RM million)	Nilai ditambah Value added (RM juta) (RM million)	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages (RM juta) (RM million)	Nilai harta tetap Value of fixed assets (RM juta) (RM million)
Jumlah Total	2022 2015	205,012 173,536	83,033 56,242	38,676 26,115	44,356 30,127	788,884 670,628	15,476 10,072	41,275 22,767
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara Electricity, gas, steam and air conditioning supply	2022 2015	18 14	86 22	46 14	41 8	347 154	11 3	255 26
Bekalan air; pembetulan, pengurusan sisa dan aktiviti pemuliharaan Water supply; sewerage, waste management and remediation activities	2022 2015	60 53	224 106	104 68	120 38	1,501 849	48 19	61 46
Perdagangan borong & runcit Wholesale & retail trade	2022 2015	92,162 81,877	31,274 22,760	12,121 8,673	19,152 14,087	291,371 237,628	5,729 4,130	10,583 6,220
Pengangkutan dan penyimpanan Transportation and storage	2022 2015	3,468 3,836	4,879 3,201	2,764 1,858	2,115 1,343	24,172 20,688	668 541	2,252 1,299
Penginapan Accommodation	2022 2015	2,221 560	5,567 928	2,427 398	3,140 530	21,830 10,402	631 186	10,029 2,015
Makanan dan minuman Food and beverage	2022 2015	63,759 55,396	15,083 12,110	9,144 6,788	5,939 5,321	248,364 222,643	2,276 1,707	1,682 1,284
Maklumat dan komunikasi Information and communication	2022 2015	1,739 252	2,181 344	1,161 187	1,020 157	9,177 2,014	459 78	477 85

Jadual 9: Statistik Utama Pertubuhan Milikan Wanita bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor, 2015 dan 2022 (samb.)
Table 9: Principal Statistics of Women-owned Establishments for Services Sector by Sub-sector, 2015 and 2022 (cont'd.)

Subsektor Sub-sector	Tahun Year	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Nilai output kasar Value of gross output (RM juta) (RM million)	Nilai input perantara Value of intermediate input (RM juta) (RM million)	Nilai ditambah Value added (RM juta) (RM million)	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages (RM juta) (RM million)	Nilai harta tetap Value of fixed assets (RM juta) (RM million)
Kewangan <i>Finance</i>	2022	213	44	14	30	598	8	115
	2015	133	30	10	20	439	5	97
Hartanah <i>Real estate</i>	2022	1,472	3,392	1,394	1,998	7,471	279	8,213
	2015	1,068	2,464	1,053	1,412	6,625	222	6,068
Profesional <i>Professional</i>	2022	6,695	5,751	2,125	3,626	40,900	1,403	1,878
	2015	4,124	4,011	1,572	2,439	32,108	1,024	1,360
Pentadbiran dan sokongan <i>Administrative and support</i>	2022	5,396	4,722	2,938	1,783	27,251	634	2,137
	2015	2,541	3,350	2,221	1,129	20,697	441	1,703
Pendidikan swasta <i>Private education</i>	2022	8,645	2,982	1,136	1,846	45,267	749	1,084
	2015	5,308	1,667	656	1,010	31,547	497	701
Kesihatan swasta dan kerja sosial <i>Private health and social work</i>	2022	7,151	4,069	2,004	2,065	20,458	1,844	1,645
	2015	4,699	2,140	1,065	1,074	25,804	546	990
Kesenian, hiburan dan rekreasi <i>Arts, entertainment and recreation</i>	2022	1,189	532	215	317	5,923	153	194
	2015	776	283	133	150	3,847	59	120
Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti <i>Personal services and other activities</i>	2022	10,824	2,247	1,083	1,164	44,254	584	670
	2015	12,899	2,828	1,419	1,409	55,183	614	754

Nota:

i) Tidak termasuk Syarikat Awam Berhad, Syarikat Koperasi, Perbadanan Awam dan Pertubuhan Persendirian yang tidak mencari keuntungan

Note:

j) Excludes Public Limited Company, Co-operative, Public Corporation and Private Non-profit organisation



Bahagian | *Part*
4

Nota Teknikal
Technical Notes

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

1. SKOP DAN LIPUTAN

Penerbitan ini menggunakan data daripada Banci Ekonomi 2023 (tahun rujukan 2022). Banci mengumpul maklumat daripada pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision. 4, United Nations*. Liputan bagi keseluruhan sektor merangkumi 1,200 kategori industri seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1 : Bilangan industri mengikut sektor

Sektor	Bilangan Industri
Pertanian*	142
Perlombongan & pengkuarian	56
Pembuatan	259
Pembinaan	72
Perkhidmatan	645
Jumlah	1,174

Nota: (*) Usahawan dalam sektor Pertanian yang hanya berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi maksud menerima bantuan **TIDAK** diliputi kecuali pengusaha kelapa sawit.

Sektor Perkhidmatan merangkumi Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara; Bekalan air; pembetulan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan; Perdagangan borong & runcit; Pengangkutan & penyimpanan; Penginapan; Makanan & minuman; Maklumat & komunikasi; Kewangan; Hartanah; Profesional; Pentadbiran & khidmat sokongan; Pendidikan swasta; Kesihatan swasta & kerja sosial; Kesenian, hiburan & rekreasi; dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti. Perkhidmatan ini meliputi semua industri dalam Seksyen D,E,G,H,I,J,K,L,M,N,P,Q,R dan S di bawah MSIC 2008. Senarai lengkap industri yang diliputi ditunjukkan di Lampiran MSIC 2008 Versi 1.0.

2. SUMBER RANGKA STATISTIK

Sumber utama rangka statistik pertubuhan adalah daripada *Malaysia Statistical Business Register (MSBR)* manakala bagi subsektor Penginapan termasuk perniagaan inap desa yang tidak berdaftar. MSBR adalah senarai pertubuhan/ perusahaan yang beroperasi di Malaysia yang merangkumi Daftar Syarikat (ROC), Daftar Perniagaan (ROB) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pertubuhan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan profesional. Senarai di MSBR dikemaskini secara berkala berdasarkan survei dan bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan sumber data pentadbiran daripada pelbagai agensi. Sumber utama data pentadbiran adalah daripada SSM.

Selain itu, DOSM juga bekerjasama dengan agensi lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), PBT dan badan profesional. Rangka dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baru dan sebarang perubahan yang berlaku kepada pertubuhan tersebut seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti dan lokasi/ alamat pos untuk memastikan maklumat yang terdapat dalam rangka adalah yang paling terkini.

3. JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau memberi sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah berasaskan kepada aktiviti utama dan mengikut MSIC 2008 Versi 1.0 yang diselaraskan dengan *ISIC, Revision 4, United Nations* dan pengubahsuaian mengikut keperluan tempatan.

4. KONSEP DAN DEFINISI

Konsep dan definisi yang digunakan selari dengan *International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations Statistical Division*. Takrif Perkhidmatan yang digunakan dalam survei ini adalah selaras dengan MSIC 2008 Versi 1.0.

4.1 Takrifan Perkhidmatan:

Perkhidmatan berkaitan Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara; Bekalan air; Pembetulan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan; Perdagangan Borong & runcit; Pengangkutan & penyimpanan; Maklumat & komunikasi; Penginapan; Makanan & minuman; Kewangan; Hartanah; Profesional, saintifik & teknikal; Pentadbiran & khidmat sokongan; Pendidikan swasta; Kesihatan swasta & kerja sosial; Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti. Sektor perkhidmatan adalah termasuk subsektor berikut:

- 4.1.1 Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara** adalah ditakrifkan sebagai aktiviti pembekalan tenaga elektrik, gas asli, wap, air panas dan seumpamanya melalui satu infrastruktur (rangkai) tetap bagi talian, saluran utama dan paip. Dimensi rangkaian ini tidak dapat ditentukan; juga termasuk pengagihan elektrik, gas, wap, air panas dan seumpamanya di Kawasan perindustrian atau bangunan tempat kediaman. Oleh itu, seksyen ini termasuk operasi utiliti elektrik dan gas yang menjana, mengawal dan mengagih tenaga elektrik atau gas. Juga termasuk bekalan wap dan pendinginan udara;
- 4.1.2 Bekalan air; pembetulan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan** meliputi aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sisa termasuk pungutan, perawatan dan pelupusan seperti sisa terjadual, sisa pepejal dan air sisa daripada perindustrian dan isi rumah, termasuk juga pemulihan bahan dan tapak yang tercemar. Hasil sisa daripada proses perawatan boleh dilupus atau menjadi input kepada proses pengeluaran yang lain. Aktiviti yang berkaitan dengan perawatan dan bekalan air juga dimasukkan dalam sektor ini;
- 4.1.3 Perdagangan borong & runcit** merangkumi perdagangan borong, perdagangan runcit dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal;
- 4.1.4 Pengangkutan & penyimpanan** meliputi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan darat, pengangkutan muatan melalui jalan raya, pengangkutan darat lain, pengangkutan air, penggudangan & aktiviti sokongan seperti pengoperasian terminal, tempat letak kereta, pengoperasian lebuh raya, pengoperasian pelabuhan, pengendalian kargo/ pemunggahan, agensi perkapalan & penghantaran serta lain-lain aktiviti sokongan perkhidmatan pengangkutan;

- 4.1.5 Maklumat & komunikasi** terdiri daripada aktiviti penerbitan, penerbitan wayang gambar, video & program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik, pemrograman & penyiaran, perkhidmatan telekomunikasi pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan dan perkhidmatan maklumat;
- 4.1.6 Perkhidmatan penginapan** meliputi aktiviti penginapan jangka masa pendek yang tidak termasuk rumah, rumah pangsa atau apartmen yang berperabot atau tidak untuk kegunaan kekal, biasanya secara bulanan dan tahunan. Aktiviti penginapan ini termasuk hotel dan hotel resort, motel, hotel apartmen, chalet, rumah rehat/ rumah tetamu, *bed and breakfast* unit, asrama, homestay, aktiviti penginapan jangka masa pendek yang lain. Aktiviti tapak perkhemahan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler serta aktiviti penginapan lain termasuk penyediaan sementara atau jangka masa panjang sama ada secara bilik seorang atau berkongsi atau dorm asrama untuk pelajar, migrasi pekerja (bermusim) dan individu lain turut diliputi dalam perkhidmatan penginapan;
- 4.1.7 Perkhidmatan makanan & minuman** termasuk perkhidmatan makanan & minuman yang menyediakan hidangan atau minuman lengkap untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal atau sementara dengan atau tiada kemudahan tempat duduk;
- 4.1.8 Perkhidmatan kewangan** adalah meliputi aktiviti perantaraan kewangan; aktiviti perkhidmatan kewangan lain dan aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan; aktiviti insurans/ takaful, insurans takaful semula dan tabungan pencen & hemat; dan aktiviti sokongan kepada insurans/ takaful dan tabungan pencen;
- 4.1.9 Perkhidmatan hartanah** termasuk tindakan seperti pemberi pajak, ejen dan atau broker di dalam satu atau lebih daripada yang berikut: penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah, pengurusan hartanah atau bertindak sebagai ejen hartanah eskrow. Aktiviti dalam bahagian ini mungkin dijalankan di atas hartanah milikan sendiri atau pajakan dan mungkin berlaku atas dasar bayaran atau kontrak. Termasuk juga pembangunan struktur, berserta mengekalkan hak milik atau pajakan bagi struktur tersebut;

- 4.1.10 Perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal** termasuk aktiviti profesional khusus, saintifik & teknikal yang memerlukan tahap latihan yang tinggi dan menjadikan pengetahuan dan kemahiran khusus tersedia kepada pengguna. Aktiviti yang dijalankan termasuk guaman & perakaunan, aktiviti ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti arkitek & kejuruteraan, ujian & analisis teknikal, penyelidikan & pembangunan saintifik, pengiklanan & penyelidikan & pembangunan saintifik, pengiklanan & penyelidikan, penyelidikan pasaran, professional lain, aktiviti saintifik & teknikal dan veterinar;
- 4.1.11 Perkhidmatan pentadbiran & khidmat sokongan** termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan meliputi aktiviti sewaan & pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan & aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan & penyiasatan, aktiviti perkhidmatan bangunan & lanskap dan aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat & perniagaan lain;
- 4.1.12 Perkhidmatan pendidikan swasta** merujuk kepada pertubuhan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang menyediakan perkhidmatan pelajaran akademik, vokasional dan perdagangan. Aktiviti yang diliputi dalam kumpulan ini ialah pendidikan pra sekolah & pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi, pendidikan lain dan perkhidmatan sokongan lain;
- 4.1.13 Perkhidmatan kesihatan swasta & kerja sosial** meliputi aktiviti hospital, aktiviti amalan perubatan & pergigian, aktiviti kesihatan dan kemanusiaan lain, aktiviti rumah penjagaan, dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan;
- 4.1.14 Perkhidmatan kesenian, hiburan & rekreasi** termasuk pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan dan rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan aktiviti rekreasi; dan

4.1.15 Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti termasuk aktiviti keahlian organisasi, aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan & profesional, aktiviti kesatuan buruh, aktiviti keahlian organisasi lain pembaikan komputer & barangan persendirian dan isi rumah dan aktiviti perkhidmatan seperti basuhan dan cucian kering tekstil dan produk berbulu; dandan rambut dan penjagaan kecantikan lain; dan pengebumian dan aktiviti perkhidmatan lain.

5. TAHUN BANCI

Merujuk kepada tahun pelaksanaan bancian dijalankan.

6. TAHUN RUJUKAN

Tahun rujukan bagi penerbitan ini adalah tahun takwim 2022. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam tahun rujukan.

7. KAEDAH PENGUMPULAN

Bancian ini secara umumnya dijalankan dengan menggunakan tiga (3) kaedah pengumpulan data seperti berikut:

7.1 Kaedah atas talian melalui portal e-BE

Kaedah ini menyasarkan responden yang telah menggunakan kaedah ini bagi survei rutin terdahulu.

7.2 Kaedah kutipan data melalui e-mel, pos, faks dan telefon

Kaedah ini menyasarkan responden yang pernah terlibat dengan survei rutin terdahulu. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkapkan dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada DOSM.

7.3 Kaedah kutipan data secara bersemuka

Kerja luar operasi di lapangan dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada pertubuhan yang belum memberi jawapan dari kedua-dua kaedah di atas dan kaedah ini menyasarkan pertubuhan yang tidak pernah terlibat dengan survei rutin DOSM.

8. UNIT PELAPOR

Unit pelapor bagi Banci Ekonomi 2023 adalah pertubuhan termasuk perniagaan inap desa yang tidak berdaftar bagi subsektor Penginapan. Sesebuah pertubuhan secara ideal ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis subsektor ekonomi utama di satu tempat/ lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan, entiti atau “*enterprise*” ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

9. TARAF SAH

Taraf sah sesebuah pertubuhan telah ditakrifkan seperti berikut:

9.1 Hak milik perseorangan

Merujuk kepada perniagaan yang dimiliki dan dijalankan oleh orang perseorangan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan sendiri. Pemilik mempunyai hak mutlak atas segala urusan pertubuhannya.

9.2 Perkongsian

Merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk memperoleh keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh kesemua mereka atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

9.3 Perkongsian liabiliti terhad

Merujuk kepada perniagaan entiti yang dikawal selia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Ia memberi perlindungan liabiliti terhad kepada rakan-rakan kongsinya sama seperti liabiliti terhad yang dinikmati oleh pemegang saham sesebuah syarikat. Ia juga memberi fleksibiliti peraturan perniagaan dalaman melalui pengaturan perkongsian yang serupa dengan sesebuah perkongsian konvensional.

9.4 Syarikat sendirian berhad

Merupakan syarikat persendirian yang ditubuhkan bagi tujuan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat;

Ciri-ciri:

- i. Dikawal di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan entiti yang sah terpisah daripada pemilik;
- ii. Dimiliki oleh 2 - 50 orang pemegang saham;
- iii. Pemilik syarikat mempunyai liabiliti terhad;
- iv. Pemegang saham yang memiliki 51 peratus atau lebih daripada jumlah saham syarikat berhak untuk mengawal syarikat tersebut. Saham syarikat boleh dijual beli tetapi tidak dilakukan di pasaran terbuka;
- v. Penjualan saham mesti dengan persetujuan pemegang saham yang lain;
- vi. Tidak disenaraikan di Bursa; dan
- vii. Jangka hayat perniagaan adalah panjang dan boleh dikenali perkataan Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) pada akhir nama syarikat.

9.5 Syarikat awam berhad

Syarikat awam berhad merupakan perniagaan yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad, oleh sekurang kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas;

Ciri-ciri:

- i. Dikawal di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan entiti yang sah terpisah daripada pemilik;
- ii. Dimiliki oleh pemegang saham dan tiada had bagi pemilik saham berkenaan;
- iii. Pengurusan dan kawalan syarikat adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengarah yang dilantik oleh pemegang saham; dan
- iv. Disenaraikan di Bursa Malaysia.

9.6 Syarikat koperasi

Koperasi adalah organisasi yang ditubuhkan untuk faedah bersama ahli dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahli-ahlinya.

9.7 Perbadanan awam

Merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

9.8 Pertubuhan persendirian tidak mencari keuntungan

Merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan yang memberikan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan kepada isi rumah. Perkhidmatan diberikan secara percuma atau pada harga yang tidak melebihi kos perkhidmatan (subsidi). Sebarang keuntungan yang diperoleh dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenaan.

10. STRUKTUR HAK MILIK

Hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/ pemilik-pemilik modal berbayar yang terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah "Hak Milik Bersama".

Residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan/ diperbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai Residen Malaysia.

Bukan Residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik Residen Malaysia di luar negara juga dianggap sebagai Bukan Residen Malaysia.

11. NILAI OUTPUT KASAR

11.1 Nilai output kasar **Perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan perkara berikut:

- + Nilai jualan barangan yang dibeli untuk dijual semula
- + Perkhidmatan pengurusan
- + Komisen dan pembrokeran yang diterima
- + Yuran yang diterima daripada keahlian
- + Pendapatan daripada sewa yang diterima (kecuali sewa tanah)
- + Pendapatan operasi lain
- + Cukai perkhidmatan dan caj perkhidmatan
- Nilai barang yang dibeli untuk dijual semula dalam keadaan sama seperti dibeli
- Perubahan stok (Stok akhir - Stok awal)
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (Dalaman)

12. NILAI INPUT PERANTARAAN

12.1 Nilai input perantaraan **Perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

- Pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan
- + Premium insurans
- + Royalti dan bayaran paten
- + Caj bank
- + Tenaga elektrik dan air yang dibeli
- + Nilai bahan pembakar, pelincir dan gas yang digunakan
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
- + Perbelanjaan pematuhan alam sekitar
- + Perbelanjaan operasi lain

13. NILAI DITAMBAH

Nilai ditambah adalah perbezaan di antara output kasar dan input perantaraan. Ini hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

14. BILANGAN PEKERJA

Statistik tenaga buruh menggunakan pelbagai istilah untuk menerangkan pasaran buruh, bergantung kepada definisi, skop dan liputan statistik yang diterbitkan.

Istilah bilangan **penduduk bekerja** di dalam statistik yang diterbitkan oleh DOSM melalui Survei Tenaga Buruh (STB) merujuk kepada bilangan penduduk yang berumur antara 15 hingga 64 tahun yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).

Manakala statistik bilangan **Jawatan Diisi** di dalam Statistik Guna Tenaga pula merujuk kepada bilangan pekerja yang bekerja pada akhir setiap bulan, termasuk pekerja sepenuh masa dan pekerja separuh masa; pekerja tetap, sementara atau bermusim; pekerja bergaji bulanan dan pekerja yang dibayar gaji berdasarkan jam bekerja; pekerja yang sedang bercuti jangka pendek seperti cuti sakit atau cuti rehat; dan pekerja yang baru diambil bagi mengisi kekosongan pada suku tahun berkenaan. Statistik ini tidak meliputi pemilik perseorangan dan rakan niaga; pekerja keluarga tanpa gaji; pekerja yang terlibat dalam mogok sepanjang bulan berkenaan; pekerja yang bercuti tanpa gaji sepanjang bulan berkenaan; dan pekerja yang dibekalkan oleh agensi lain seperti subkontraktor dan perunding.

Sementara itu, bilangan **pekerja formal** di dalam Statistik Upah Pekerja Suku Tahunan pula merujuk kepada bilangan individu yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau latihan perintisan bermajikan dan menerima ganjaran untuk kerja yang diselesaikan. Walau bagaimanapun, pekerja formal tidak merangkumi individu di bawah pekerjaan bukan standard, termasuk individu bekerja sendiri, pekerja gig, pekerja akaun sendiri, pekerja keluarga tanpa gaji, dan sebagainya.

Bagi penerbitan Banci Ekonomi 2023, bilangan pekerja merujuk kepada bilangan orang yang bekerja untuk pertubuhan yang dibanci pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja dikategorikan seperti berikut:

14.1 Pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji

i. Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif

Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga, sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam sesebuah pertubuhan itu. Justeru, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.

ii. Pekerja keluarga tidak bergaji

Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah kepada pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara tetap, sama ada dalam bentuk wang tunai atau harta benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik tersebut dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak dalam pertubuhan itu.

14.2 Pekerja bergaji (sepenuh masa)

Merujuk kepada semua pekerja bergaji (sepenuh masa) yang bekerja sekurang-kurangnya enam jam sehari dan/atau 20 hari sebulan. Pekerja bergaji (sepenuh masa) telah dikategorikan berdasarkan Piawaian Pengkelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 seperti berikut:

i. Pengurus, profesional dan penyelidik meliputi:

a. Pengurus

Merujuk kepada mereka yang menggubal, menganalisa, merumus, mengarah dan memberi nasihat tentang dasar kerajaan, dan membuat, memansuhkan undang-undang, kaedah dan peraturan awam, dan mewakili serta bertindak bagi pihak kerajaan, dan memantau pentafsiran dan pelaksanaan dasar dan undang-undang kerajaan, atau menjalankan tugas yang seumpamanya bagi pihak pertubuhan berkepentingan khas, atau mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras dasar dan aktiviti perusahaan, organisasi, jabatan atau seksyen dalamannya; dan

b. Profesional

Merujuk kepada mereka yang bertanggung jawab untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada, mengaplikasikan konsep dan teori saintifik atau artistik, mengajar tentang perkara tersebut dengan cara bersistematik, atau terlibat dalam apa-apa gabungan tiga aktiviti di atas.

ii. Juruteknik dan profesional bersekutu

Merujuk kepada mereka yang melakukan tugas teknikal dan tugas yang berkaitan dengan penyelidikan dan pengaplikasian konsep sains atau seni dan kaedah operasi, dan peraturan kerajaan atau perniagaan.

iii Perkeranian, pekerja perkhidmatan & jualan, kemahiran khas, operator mesin & loji dan pekerjaan yang berkaitan:

a. Pekerja sokongan perkeranian

Merujuk kepada mereka yang merekod, mengurus, menyimpan dan mendapatkan maklumat yang berkaitan, dan menjalankan tugas-tugas perkeranian berhubung dengan operasi pentadbiran, pengendalian wang, urusan perjalanan, permintaan maklumat dan janji temu;

b. Pekerja perkhidmatan dan jualan

Merujuk kepada mereka yang menyediakan perkhidmatan peribadi berkaitan dengan perjalanan, pengemasan, katering, penjagaan diri, atau perlindungan dari kebakaran dan undang-undang yang berkaitan, atau menunjuk cara dan menjual barangan di kedai borong atau runcit dan pertubuhan seumpamanya termasuk di gerai dan pasar;

c. **Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan**

Merujuk kepada mereka yang mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang perlombongan dan pembinaan, penempaan logam, dan mendirikan struktur logam; membuat, melaraskan, menyelenggara dan membaik pulih jentera, kelengkapan atau peralatan; menjalankan kerja pencetakan; dan mengeluarkan atau memproses barang makanan, tekstil atau kayu, logam dan barangan lain termasuk barang kraftangan; dan

d. **Operator mesin & loji, dan pemasang**

Merujuk kepada mereka yang mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian; memandu dan mengendalikan kereta api, kenderaan bermotor, jentera dan kelengkapan bergerak; atau memasang bahagian komponen produk mengikut spesifikasi dan prosedur yang ketat.

14.3 **Pekerja bergaji (sambilan)**

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja kurang daripada enam jam sehari dan/ atau kurang daripada 20 hari sebulan.

15. **KATEGORI KEMAHIRAN**

Kategori kemahiran telah dikelaskan berdasarkan MASCO 2020 adalah seperti berikut:

i. **Pekerja mahir**

Pengurus; Professional; Juruteknik & profesional bersekutu;

ii. **Pekerja separuh mahir**

Pekerja sokongan perkeranian; Pekerja perkhidmatan & jualan; Pekerja kemahiran pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan; Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan; Operator mesin & loji dan pemasang; dan

iii. **Pekerja berkemahiran rendah**

Pekerja asas.

16. GAJI & UPAH

Semua pembayaran (gaji, upah, bonus, komisyen, bayaran lebih masa dan elaun tunai termasuk belanja sara hidup, perumahan, kereta, makanan dan sebagainya) yang dibuat sepanjang tahun rujukan meliputi semua pekerja bergaji dalam setiap kategori pekerja yang diambil secara langsung termasuk jumlah bayaran yang dibuat adalah sebelum ditolak cukai pendapatan dan caruman pekerja kepada KWSP/ PERKESO/ Kumpulan wang simpanan lain/ Kumpulan Wang Persaraan (KWAP). Caruman majikan kepada kumpulan wang yang di atas hendaklah dikecualikan.

17. NILAI HARTA TETAP

Harta tetap meliputi semua barangan, baru atau terpakai, aset ketara atau aset tidak ketara yang digunakan secara berulang atau berterusan yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun. Ini termasuk tanah, bangunan & struktur, alat pengangkutan, komputer, jentera & kelengkapan, perabot & pemasangan dan harta lain. Harta lain meliputi aset biologi iaitu pokok/ tanaman (kecuali pokok balak yang bertujuan untuk pembalakan), ternakan dan perikanan akuakultur yang mengeluarkan hasil berulang kali dan mempunyai jangka hayat lebih daripada satu tahun.

Nilai harta tetap awal dan akhir bagi tahun rujukan 2022 adalah berasaskan nilai buku bersih. Pembelian, pindaan dan pembaikan besar atau perbelanjaan modal pada tahun berkenaan dikira pada nilai kos sebenar yang dibayar. Nilai harta tetap yang dijual dalam tahun semasa juga dikira pada nilai sebenar.

18. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Pertubuhan milikan wanita merujuk kepada pertubuhan sekurang-kurangnya 51 peratus pemilikan ekuiti dipegang oleh wanita ATAU pemegang saham terbesar adalah wanita dan pertubuhan diuruskan oleh wanita ATAU Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

19. PEMBUNDARAN

Jumlah bagi angka komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar disebabkan oleh pembundaran angka.

20. KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN DIKOMPAN (CAGR)

Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (r) adalah berdasarkan formula berikut;

$$y_t = y_0 (1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana

- y_t = Nilai pada tahun semasa
- y_0 = Nilai pada tahun sebelum
- t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$
- r = Kadar pertumbuhan tahunan

21. SIMBOL DAN SINGKATAN

- 0 : nilai kurang daripada 500
- & : dan
- % : peratus
- < : kurang daripada
- } : digabungkan
- b : bilion
- dll. : dan lain-lain
- CAGR : kadar pertumbuhan tahunan dikompaun
- RM : Ringgit Malaysia
- t.t.t.l. : tidak terkelas di tempat lain
- W.P. : Wilayah Persekutuan

1. SCOPE AND COVERAGE

This publication used data from Economic Census 2023 (reference year 2022). The census collected information from registered establishments in Agriculture, Mining & quarrying, Manufacturing, Construction and Services sectors. The classifications for industries were referring to Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Version 1.0, which is in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4 United Nations. The coverage for all sectors encompasses 1,200 categories of industries as shown in **Table 1**.

Table 1: Category of industries by sector

Sector	Category of Industries
Agriculture*	142
Mining & quarrying	56
Manufacturing	259
Construction	72
Services	645
Total	1,174

Note: (*) Entrepreneurs in the Agriculture sector which registered with relevant government agencies for the purpose of receiving aid were **NOT** covered except palm oil's entrepreneurs.

Services sector encompass Electricity, gas, steam & air conditioning supply; Water supply, sewerage, waste management & remediation activities; Wholesale & retail trade; Transport and storage; Accommodation; Food & beverage; Information & communication; Finance; Real estate; Professional, scientific & technical; Administrative & support service; Education; Health & social work; Arts, entertainment & recreation; and Personal services & other activities. These services include all industries in Section D, E, G, H, I, J, K, L, M, N, P, Q, R and S classified under MSIC 2008. The complete list of industries covered as shown in the Appendix MSIC 2008 Version 1.0.

2. SOURCE OF FRAME

The main source for the establishment statistics frame is from the Malaysia Statistical Business Register (MSBR), while for the Accommodation sub-sector, includes unregistered homestay. MSBR is a list of organisations/ enterprises operating in Malaysia that includes the Register of Companies (ROC), Register of Business (ROB) and Limited Liability Partnership (LLP) registered with the Companies Commission of Malaysia (CCM) as well as organisations registered with local authorities (LA) and professional bodies. The list in MSBR is updated regularly based on surveys and censuses conducted by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) and administrative data sources from various agencies. The main source of administrative data is from the CCM.

In addition, DOSM also works together to obtain the latest information from other agencies such as the Employees' Provident Fund (EPF), the Royal Malaysian Customs Department, the Inland Revenue Board (IRB), Social Security Organisation (SOCSO), LA and professional bodies. The frame is updated by taking into account new establishments and any changes in the status of the establishments such as closed down, not in operation, change in activity and location/ correspondence address so as to ensure that the frame is at the most current status.

3. TYPE OF BUSINESS ACTIVITY

Type of business activity refers to both principal and secondary activities. The principal activity refers to the activity to which the establishment devoted most of its resources or activity which derived most of its income. Secondary activities are defined as those incidental or ancillary to the principal activity. The classification of the industry of the establishment is based on the principal activity and is in accordance with the MSIC 2008 Version 1.0 conforms to the ISIC, Revision 4, United Nations, with modifications to suit local conditions.

4. CONCEPTS AND DEFINITIONS

Concepts and definitions used are based on the recommendations of the International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations Statistical Division. The definition of Services used in this survey accordance with the MSIC 2008 Ver 1.0.

4.1 Services Definition:

Services related to Electricity, gas, steam & air conditioning supply; Water supply; sewerage, waste management & remediation activities; Wholesale & retail trade; Transportation & storage; Information & communication; Accommodation, Food & beverage; Finance; Real estate; Professional, scientific & technical; Administrative & support services; Private education; Private health & social work; Art, entertainment & recreation and Personal services & other activities. Services sector includes the following sub-sectors:

4.1.1 Electricity, gas, steam & air conditioning supply are defined as an activity of providing electric power, natural gas, steam, hot water and the like through a permanent infrastructure (network) of lines, mains & pipes. The dimension of the network is not decisive; also included are the distribution of electricity, gas, steam, hot water and the like in industrial parks or residential buildings. This section therefore includes the operation of electric gas utilities, which generate, control and distribute electric power or gas. Also included is the provision of steam & air-conditioning supply;

4.1.2 Water supply, sewerage, waste management & remediation activities comprised of activities related to waste management includes collection, treatment & disposal such as scheduled waste, solid waste & waste water from industrial and household, including recovery materials & contaminated sites. The waste from the treatment process can be disposed of or used as input for other production process. Related activities in water treatment and supply are also included in this sector;

4.1.3 Wholesale & retail trade encompass of wholesale and retail trades, sales and repair of motor vehicles & motorcycles;

4.1.4 Transportation & storage includes all establishment provides land transport, freight transport by road, other land transport, water transport, warehousing & supporting activities such as storage & warehousing, terminal operations, car parking services, highway operations, port operations, cargo handling/ stevedoring, shipping agencies & forwarding of freight and other supporting activities for transportation services;

4.1.5 Information & communication comprised activities of publishing, motion picture, video & television programme production, sound recording & music publishing, programming & broadcasting, telecommunication services, computer programming, consultancy & related activities and information services;

4.1.6 Accommodation services includes short-term accommodation activities that excludes provision of homes and furnished or unfurnished flats or apartments for more permanent use, typically on a monthly or annual basis. These accommodation activities include hotels and resort hotels, motels, apartment hotels, chalets, rest houses/guest houses, bed and breakfast units, hostels, home stays, and other short-term accommodation activities. Camping grounds activities, recreational vehicle parks and trailer parks as well as other accommodation activities including temporary or long-term provision of single or shared rooms or dormitory dorms for students, migrant workers (seasonal) and other individuals are also covered in accommodation services.

4.1.7 Food & beverage services include food & beverage serving activities providing complete meals or drinks fit for immediate consumption, whether in traditional restaurants, self-service or take-away restaurants, whether as permanent or temporary stands with or without seating;

4.1.8 Financial services include monetary intermediation activities; other financial service activities and activities auxiliary to financial services; insurance/ takaful, reinsurance/ retakaful and pension & provident funding activities; and activities auxiliary to insurance/ takaful and pension funding;

4.1.9 Real estate services include acting as lessors, agents and/ or brokers in one or more of the following: selling or buying real estate, renting real state, providing other real estate services such as appraising real estate, property management or acting as real estate escrow agents. Activities in this division may be carried out on own or leased property and may be done on a fee or contract basis. Also included is the building of structures, combined with maintaining ownership of leasing of such structures;

- 4.1.10 Professional, scientific & technical** includes specialised professional, scientific & technical activities which require a high degree of expertise and training, and specialised knowledge and skills available to users. Activities performed include legal & accounting activities, activities of head offices, management consultancy activities, architecture & engineering activities, technical testing & analysis, scientific research & development, advertising & market research, other professional, scientific & technical activities and veterinary activities;
